

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(X)1**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG  
BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

1. Apakah status terkini Beras Cap Feri?
  - (a) Berapakah peruntukan yang telah disalurkan Kerajaan Negeri untuk pengeluaran beras ini?
  - (b) Berapakah jumlah pengeluaran dan jualan sehingga bulan Mac 2025?
  - (c) Senaraikan premis dan lokasi premis yang menjual beras ini.

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. (a) Tiada kos yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri dalam pengeluaran Beras Cap Feri. Semua kos adalah ditanggung oleh pihak syarikat yang dilantik.
- (b) Sehingga 20 Mac 2025, jumlah pengeluaran adalah sebanyak 16,000 kampak (80 tan metrik) dengan nilai jualan adalah berjumlah RM272,000.00.
- (c) Senarai premis jualan Beras Cap Feri di seluruh Negeri Pulau Pinang adalah seperti yang berikut:
  - (i) Pusat Operasi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA);

- (ii) Karnival Jualan Agro Madani FAMA dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) yang disertai oleh jabatan / agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM);
- (iii) Kedai Peladang di bawah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK); dan
- (iv) Kedai Runcit Mohamed Meera Sahib di Jalan Penang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(X)2**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

2. Bagaimanakah Kerajaan Negeri bekerjasama dengan agensi Persekutuan untuk memastikan bekalan benih padi berkualiti pada harga berpatutan?
  - (a) Apakah inisiatif yang telah dilaksanakan untuk membantu pesawah mengurangkan kos input pertanian, termasuk subsidi atau bantuan lain?

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Bagi memastikan bekalan benih padi berkualiti pada harga berpatutan, Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman, Jabatan Pertanian (DOA) Negeri Pulau Pinang sentiasa memastikan semua aspek berkaitan kualiti tanaman khususnya benih padi sentiasa memenuhi piawaian yang ditetapkan melalui pemeriksaan ladang, pensijilan benih, pengesanan penyakit tanaman serta pengujian makmal. Penguatkuasaan kawalan kualiti juga dilaksanakan dalam usaha pemantauan dan tindakan ke atas pengeluar benih yang gagal mematuhi peraturan.

Selain itu, proses pengedaran benih sah juga dilaksanakan dalam memastikan petani menerima benih berkualiti tinggi pada harga berpatutan seterusnya menjamin hasil yang lebih baik. Bagi pembangunan kapasiti, pelbagai kursus, bengkel dan seminar untuk mendidik petani mengenai kepentingan penggunaan benih sah dan penjagaan tanaman yang baik turut dianjurkan. Ini termasuklah pengurusan bencana tanaman seperti menghadapi serangan penyakit atau bencana alam seperti banjir yang menjejaskan tanaman padi.

- (a) Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan untuk pembangunan tanaman padi kepada pihak DOA Negeri Pulau Pinang pada tahun 2024 dan 2025 seperti di **LAMPIRAN A**.

Manakala, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) telah menyalurkan bantuan kewangan sebagai bantuan kerugian dengan jumlah sebanyak RM239,832.00 kepada 131 orang pesawah di Negeri Pulau Pinang yang terjejas pada Februari 2025 akibat bencana banjir.

Selain itu, inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan oleh pihak Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Negeri Pulau Pinang bagi membantu pesawah mengurangkan kos input pertanian adalah seperti yang berikut:

- (i) Pemberian subsidi baja di bawah Skim Baja Padi iaitu subsidi untuk baja sebatian (12beg/20kg/ha) dan baja urea (4beg/20kg/ha);
- (ii) Pemberian subsidi baja NPK dan racun di bawah Skim Insentif Pengeluaran Padi iaitu subsidi baja NPK (6beg/25kg/ha) dan racun yang bernilai RM200/ha;
- (iii) Bantuan Peralatan Pertanian (Matching Grant/Rise-up) dengan inisiatif bekalan mesin dan peralatan moden kepada pesawah melalui skim pinjaman atau sewa beli bagi meningkatkan kecekapan kerja dan mengurangkan kos buruh;
- (iv) Program Latihan dan Teknologi dimana pesawah diberi latihan penggunaan teknik moden seperti pertanian pintar dan amalan agronomi terbaik untuk meningkatkan hasil tanpa menambah kos;
- (v) Program Pengedaran Insentif Benih Padi Sah (IBPS) berdasarkan RM20.60 per beg;
- (vi) Insentif Pembajakan Kepada Pesawah (IPKP) dengan nilai RM100.00/ha;
- (vii) Bantuan Peruntukan Semaian dan Tanam Ladang Benih Padi; dan

- (viii) Bantuan Khas Sumbangan Tunai bernilai RM600.00 kepada pesawah per musim dan Program Bantuan Khas BERNAS kepada Pesawah Tahun 2025 bernilai RM145.00 bagi setiap pesawah.

**BANTUAN PEMBANGUNAN TANAMAN PADI TAHUN 2024**

<b>DAERAH</b>	<b>JENIS BANTUAN</b>	<b>JUMLAH PERUNTUKAN (RM)</b>
Seberang Perai Utara	i. Input Pertanian; ii. Infrastruktur; dan iii. Peralatan Pertanian	190,861.00
Seberang Perai Tengah		118,419.00
Seberang Perai Selatan		110,720.00
Barat Daya / Timur Laut		80,000.00
Peruntukan Khas Kerja-Kerja Naik Taraf Infrastruktur Sistem Perparitan Ladang		200,000.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>700,000.00</b>

**BANTUAN PEMBANGUNAN TANAMAN PADI TAHUN 2025**

<b>DAERAH</b>	<b>JENIS BANTUAN</b>	<b>JUMLAH PERUNTUKAN (RM)</b>
Seberang Perai Utara	i. Input Pertanian; ii. Infrastruktur; dan iii. Peralatan Pertanian	183,589.00
Seberang Perai Tengah		142,225.00
Seberang Perai Selatan		96,202.00
Barat Daya / Timur Laut		27,571.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>449,587.00</b>

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(X)3**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

3. Berapakah jumlah tangkapan atau tindakan penguatkuasaan yang telah diambil terhadap pihak yang terlibat dalam penjualan beras campur di Pulau Pinang?
- (a) Apakah langkah pencegahan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk membanteras isu ini?
  - (b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan pemantauan berterusan bagi mencegah berlakunya isu ini?

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Sehingga kini, tiada tangkapan atau tindakan penguatkuasaan yang telah diambil terhadap pihak yang terlibat dengan isu penjualan beras campur di Negeri Pulau Pinang.
- (a) Pejabat Kawalselia Padi dan Beras Negeri Pulau Pinang (KPB) melalui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah mengambil beberapa langkah intervensi dan melaksanakan reformasi industri padi dan beras secara besar-besaran bagi membanteras isu ini.

*Task Force* Khas Bersepadu Operasi Beras Putih Tempatan (OP BPT) yang merupakan kerjasama strategik melibatkan agensi penguatkuasaan iaitu KPB, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bahagian Penguatkuasa di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah dilancarkan bagi melaksanakan

pemeriksaan dan penguatkuasaan di setiap peringkat rantaian industri padi dan beras di seluruh negara berdasarkan bidang kuasa masing-masing. Tempoh pelaksanaan *Task Force* Khas ini adalah dari 3 Oktober hingga 3 November 2023 dan kemudian dilanjutkan sehingga 17 November 2023.

Selain itu, KPKM melalui Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah membangunkan teknologi yang boleh mengesan pencampuran beras. MARDI berjaya membangunkan teknologi berasaskan cap jari asid deoksiribonukleik (*deoxyribonucleic acid* - DNA) yang mampu mengesan varieti dan sumber asal beras dengan bukti saintifik. Melalui teknologi ini, analisis dijalankan dengan membuat perbandingan profil DNA beras melalui sampel yang diperolehi dengan profil DNA padi varieti tempatan yang telah diisytiharkan di Malaysia. Keputusan analisis oleh MARDI menunjukkan wujud persamaan profil DNA dengan varieti padi tempatan atau dengan kata lain berlaku percampuran beras putih tempatan (BPT) dengan beras putih import (BPI) dalam kantung BPI. Walau bagaimanapun, berdasarkan Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [*Akta 522*] dan perundangan subsidiari di bawahnya, tiada peruntukan yang khusus dan jelas bagi memulakan pendakwaan kes di mahkamah mengenai kesalahan percampuran beras.

KPKM juga telah merombak strategi dalam memulihkan keberadaan bekalan BPT melalui pelaksanaan reformasi menyeluruh dalam industri padi dan beras secara berfasa sejak Oktober 2024. Langkah reformasi bertujuan untuk meningkatkan daya saing industri, memperkukuh kebajikan pesawah serta menjamin bekalan beras negara. Agenda yang telah dirangka di bawah Reformasi Industri Padi dan Beras adalah seperti yang berikut:

- (i) Menamatkan isu konflik kepentingan dalam mengurus dan mengawal selia industri padi dan beras melalui pelantikan individu yang berbeza bagi mengetuai Bahagian Pembangunan Industri Padi dan Kawalselia Padi dan Beras di KPKM serta sebagai wakil Kerajaan dalam BERNAS selaras dengan usaha KPKM dalam memantapkan tadbir urus dan tatakelola dalam Kementerian;

- (ii) Menilai keseluruhan Akta 522 untuk disesuaikan dengan proses reformasi yang dilaksanakan oleh Kementerian termasuk mekanisme percampuran beras;
  - (iii) Memperkukuh aspek kawal selia dan penguatkuasaan ekosistem agromakanan termasuk dalam industri padi dan beras melalui penubuhan Agensi Regulatori dan Penguatkuasaan Agromakanan Malaysia (MAREA) yang telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada 7 Februari 2025; dan
  - (iv) Memperkasa peranan MARDI dalam proses pengenalpastian beras tempatan dan import melalui teknologi pencapjarian DNA yang dapat membantu pihak berkuasa dalam proses pendakwaan di mahkamah, melindungi kepentingan pengguna dan memastikan beras tempatan adalah berkualiti dan tulen.
- (b) Bagi memastikan pemantauan berterusan untuk mencegah berlakunya isu ini, KPB melalui KPKM telah dan akan mengadakan perbincangan dengan pihak KPDN, Jabatan Peguam Negara dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi menambah baik akta sedia ada dengan mengambil kira struktur pasaran padi beras dan keperluan pengguna.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(X)4**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

4. Apakah peranan Penang Agrotech Sdn Bhd dalam memperkukuh keterjaminan makanan negeri?
- (a) Bagaimanakah syarikat ini menyokong petani tempatan melalui teknologi dan latihan?
  - (b) Apakah projek yang sedang dan akan dilaksanakan?

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Peranan dan fungsi Penang Agrotech Sdn. Bhd. (PASB) bagi memperkukuh keterjaminan makanan di Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- (i) Melaksanakan dasar-dasar yang digubal oleh Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Agroteknologi & Keterjaminan Makanan;
  - (ii) Menyelaraskan program dan aktiviti yang berkaitan dengan agroteknologi dan keterjaminan makanan bagi menyumbang hasil kepada Kerajaan Negeri;
  - (iii) Mempromosikan Negeri Pulau Pinang sebagai negeri pelancongan agro kepada masyarakat setempat dan pelancong luar dari seluruh negara dan dunia;
  - (iv) Menjalinkan kerjasama dengan pihak kerajaan/ swasta dalam meningkatkan produktiviti pertanian, perikanan dan penternakan di Negeri Pulau Pinang;

- (v) Menjalankan kajian dengan institusi penyelidikan, institusi pengajian tinggi serta pihak swasta dari dalam dan luar negara serta menandatangani memorandum persefahaman untuk memperkasakan agenda keterjaminan makanan negeri;
- (vi) Menyelaras dan menggerakkan Dasar Keterjaminan Makanan Negeri Pulau Pinang yang akan digubal;
  - 1) Menyelaras dan berperanan dalam pembangunan koperasi terutama koperasi belia dan wanita dalam bidang agroteknologi dan keterjaminan makanan;
  - 2) Menjalinkan kerjasama dan kolaborasi dengan perusahaan kecil dan sederhana (*small and medium enterprises, (SME)*) bagi tujuan rangsangan tindakan pemulihan ekonomi; dan
  - 3) Menjalankan program dan aktiviti alternatif berkaitan pertanian berskala kecil dengan pulangan hasil yang besar dengan penggunaan ruang atau kawasan yang minimum.
- (a) PASB memainkan peranan sebagai agensi pelaksana bersama-sama jabatan/ agensi negeri yang lain dalam menyelaras dan menggerakkan semua perancangan dasar, program dan aktiviti di bawah Jawatankuasa MMK Agroteknologi dan Keterjaminan Makanan termasuk menyokong petani tempatan melalui penyediaan teknologi dan latihan.
- (b) Buat masa ini, projek-projek yang diletakkan di bawah PASB akan dilaksanakan oleh pihak jabatan/ agensi yang lain dengan mengambil kira kepakaran jabatan/ agensi dalam projek berkaitan serta tahap keupayaan PASB yang masih di peringkat permulaan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(X)5**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

5. Berapakah jumlah pemilik kebun durian di Pulau Pinang mengikut status tanah (pajakan atau persendirian) dan pecahan kaum?
- (a) Apakah bantuan yang diberi kerajaan kepada mereka?
  - (b) Apakah jumlah hasil cukai atau bayaran lain yang diterima Kerajaan Negeri daripada industri durian dari tahun 2020 sehingga kini?

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Jumlah pemilik kebun durian di Negeri Pulau Pinang mengikut status tanah (pajakan atau persendirian) dan pecahan kaum adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Pelbagai bentuk bantuan telah diberikan kepada pekebun durian seperti khidmat nasihat teknikal, insentif amalan teknologi pertanian serta kawalan terhadap wabak tanaman. Perincian program adalah seperti berikut:
    - (i) Program Peningkatan Hasil Pengeluaran yang memberi fokus kepada peningkatan produktiviti dan kualiti hasil durian;
    - (ii) Program Kawalan Penyakit dan Perosak Tanaman yang menyediakan langkah-langkah pengurusan perosak dan penyakit untuk melindungi tanaman durian;
    - (iii) Program Penanaman Varieti Durian Premium yang memberi galakan berkaitan penanaman varieti berkualiti tinggi dan bernilai pasaran tinggi seperti *Musang King* dan *Black Thorn*;

- (iv) Pembangunan Infrastruktur Ladang dan Sistem Pengairan yang menyediakan kemudahan asas ladang termasuk jalan pertanian dan sistem pengairan yang cekap;
- (v) Projek *Model Farm*: Sistem Pengairan Mikro ‘Sprinkler’ di Kawasan Berbukit bagi pelaksanaan ladang contoh yang menggunakan sistem pengairan mikro untuk tanaman durian di kawasan berbukit; dan
- (vi) Insentif Amalan Pertanian Baik (myGAP) yang memberi galakan kepada pekebun untuk mengamalkan pertanian mampan dan mendapat pensijilan myGAP.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut menyalurkan peruntukan pembangunan kepada pekebun durian seperti di **LAMPIRAN B**.

- (b) Hasil cukai yang diterima oleh Kerajaan Negeri adalah daripada cukai tanah yang dikenakan setiap tahun kepada semua pemilik tanah.

Selain itu, Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah (PDTST) turut mengenakan bayaran Lesen Pendudukan Sementara (LPS) kepada pengusaha tanaman durian dan hasil yang diterima dari tahun 2020 hingga Mac 2025 adalah seperti jadual yang berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>HASIL (RM)</b>
2020	23,700.00
2021	22,500.00
2022	28,800.00
2023	30,900.00
2024	31,200.00
2025 (sehingga Mac)	19,500.00
<b>JUMLAH (RM)</b>	<b>156,600.00</b>

**LAMPIRAN A****JUMLAH PEMILIK KEBUN DURIAN DI NEGERI PULAU PINANG  
MENGIKUT STATUS TANAH (PAJAKAN ATAU PERSENDIRIAN)  
DAN PECAHAN KAUM**

<b>DAERAH</b>	<b>BILANGAN PEKEBUN</b>	<b>KAUM</b>			<b>STATUS TANAH</b>	
		<b>MELAYU</b>	<b>CINA</b>	<b>INDIA</b>	<b>SENDIRI</b>	<b>SEWA</b>
Seberang Perai Utara	5	4	1	0	4	1
Seberang Perai Tengah	232	102	130	0	148	84
Seberang Perai Selatan	296	230	64	2	227	69
Barat Daya / Timur Laut	790	237	538	15	553	237
<b>JUMLAH</b>	<b>1,323</b>	<b>573</b>	<b>733</b>	<b>17</b>	<b>932</b>	<b>391</b>

**LAMPIRAN B****JUMLAH PERUNTUKAN KERAJAAN NEGERI KEPADA PEKEBUN  
DURIAN DI NEGERI PULAU PINANG**

<b>DAERAH</b>	<b>PERUNTUKAN (RM)</b>				
	<b>2021</b>	<b>2022</b>	<b>2023</b>	<b>2024</b>	<b>2025</b>
Seberang Perai Utara	13,775.00	13,080.00	0.00	8,500.00	0.00
Seberang Perai Tengah	97,705.00	58,672.00	69,965.00	117,125.00	79,754.00
Seberang Perai Selatan	26,050.00	40,710.00	43,300.00	76,200.00	26,050.00
Barat Daya/ Timur Laut	150,000.00	179,734.00	180,000.00	150,065.00	150,000.00
<b>JUMLAH</b>	<b>287,530.00</b>	<b>292,196.00</b>	<b>293,265.00</b>	<b>351,890.00</b>	<b>255,804.00</b>

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(X)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

6. Berapakah jumlah kes penerokaan haram yang telah dikenal pasti dari tahun 2020 sehingga kini?
- (a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memantau secara berterusan kegiatan penerokaan haram di kawasan tanah hutan simpan atau milik kerajaan?
- (b) Apakah bentuk tindakan undang-undang atau penguatkuasaan yang boleh diambil?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Jumlah kes penerokaan haram tanah Kerajaan dari tahun 2020 sehingga kini berdasarkan rekod di Pejabat Daerah dan Tanah adalah seperti berikut:

<b>Pejabat Daerah dan Tanah</b>	<b>Bilangan kes (2020-kini)</b>
Seberang Perai Utara (PDTSPU)	188 kes
Seberang Perai Tengah (PDTSPT)	0 kes
Seberang Perai Selatan (PDTSPS)	85 kes
Timur Laut (PDTTL)	0 kes
Barat Daya (PDTBD)	11 kes

- (a) Kerajaan Negeri memantau secara berterusan kegiatan penerokaan haram di kawasan tanah hutan simpan atau milik kerajaan seperti berikut:-
- (i) Pemantauan dilakukan secara berkala oleh Pejabat Daerah dan Tanah bersama agensi penguatkuasa lain melalui rondaan dan siasatan terhadap aduan yang diterima;
  - (ii) Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) bertanggungjawab sepenuhnya ke atas perlindungan Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang diwartakan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984. Dalam usaha mencegah penerokaan haram, JPNPP melaksanakan pemantauan berterusan melalui beberapa pendekatan strategik. Rondaan dilakukan secara berkala di kawasan-kawasan berisiko tinggi yang dikenalpasti sebagai "*hotspot*", dengan penekanan terhadap peningkatan kekerapan rondaan di lokasi tertentu; dan
  - (iii) Selain itu, teknologi dron turut digunakan bagi memantau kawasan hutan yang sukar diakses, manakala pemantauan melalui data imej satelit dilaksanakan menggunakan sistem *e-Geospatial* Perhutanan (e-GP) dan *Forest Monitoring Using Remote Sensing* (FMRS PLUS) yang dibangunkan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) bersama Agensi Angkasa Malaysia (MySA). Bagi mendapatkan imej satelit terkini, JPSM juga melanggan perkhidmatan daripada *Planet Dot Com*.
- (b) Tindakan atau penguatkuasaan boleh diambil oleh Jabatan Perhutanan Negeri dan Pejabat Daerah dan Tanah di bawah peruntukan akta masing-masing seperti Seksyen 15 dan 32 Akta Perhutanan Negara 1984 dan Seksyen 425, 426 dan 426A Kanun Tanah Negara 1956 (Akta 828).

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(X)7**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

7. Apakah perkembangan pelaksanaan 14 projek agromakanan yang diumumkan dalam Bajet 2025? Senaraikan projek-projek tersebut.
- (a) Berapakah peratus kemajuan fizikal dan kewangan projek tersebut setakat ini?
  - (b) Bagaimanakah impak projek-projek ini terhadap bekalan makanan dan pendapatan petani tempatan?

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. (a) Senarai Projek Agromakanan Negeri Pulau Pinang Tahun 2025 dengan kemajuan fizikal dan kewangan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Pemberian peruntukan daripada Kerajaan Negeri ini mampu meningkatkan produktiviti pengeluaran dan menjimatkan kos operasi sekali gus memberi lebih pendapatan kepada penternak dan petani. Pelaksanaan projek-projek ini memberi impak positif terhadap bekalan makanan negara serta meningkatkan kesejahteraan ekonomi agromakanan tempatan. Ini secara langsung membantu mengurangkan kebergantungan import dan memperkukuhkan sekuriti makanan negara. Penternak dan petani juga dapat menceburi bidang hiliran sekali gus meningkatkan nilai tambah kepada hasil penternakan/pertanian dan menambah sumber pendapatan.

Selain itu, proses pemindahan teknologi turut membolehkan penternak/petani mengakses teknologi moden, bimbingan teknikal serta amalan pertanian terbaik yang mampu meningkatkan produktiviti dan daya saing mereka. Kerajaan Negeri sentiasa menyokong usahawan muda yang berkemahiran tinggi untuk meneruskan kesinambungan sektor penternakan/pertanian dalam menstabilkan pengeluaran makanan negara dalam jangka masa panjang.

**SENARAI PROJEK AGROMAKANAN NEGERI PULAU PINANG  
TAHUN 2025**

<b>Bil.</b>	<b>Butiran Projek</b>	<b>Prestasi Fizikal (%)</b>	<b>Prestasi Kewangan (%)</b>
<b>Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang</b>			
1.	Pembangunan Khidmat Pengembangan Tekno Pertanian	59.45	22.40 (Data diberikan secara keseluruhan projek)
2.	Program Perkhidmatan Kejenteraan	0.00	
3.	Pembangunan Pusat Inkubator	99.22	
4.	Projek Pembangunan dan Naik Taraf Pusat Kecemerlangan Teknologi Pertanian	8.04	
5.	Pembangunan Tanaman Padi	14.20	
6.	Pembangunan Tanaman Buah-buahan	16.00	
7.	Pembangunan Tanaman Sayur-sayuran	21.52	
8.	Pembangunan Petani Pelapis	6.61	
9.	Pembangunan Tanaman Industri, Kontan, Herba dan Florikultur	10.56	
10.	Pembangunan Industri Pemprosesan Makanan	27.23	
11.	Pembangunan Kelompok Tani	15.17	
12.	Program Pembangunan Aktiviti Jualan Terus	37.39	
13.	Pengukuhan Khidmat Pengembangan dan Komunikasi Pembangunan	17.28	
14.	Pembangunan Taman Pertanian dan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)	26.76	
<b>Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang</b>			
1.	Pembangunan Industri Ternakan (Pembangunan Industri Ruminan)	30.0	0.00
2.	Perkhidmatan Regulatori Veterinar	30.0	0.00
3.	Rancangan Pembangunan Perkhidmatan Sokongan Penternak	30.0	0.00
4.	Pembangunan Industri Nilai Tinggi	35.0	0.20
5.	Penternakan Industri Unggas	30.0	0.00
6.	Pengawalan Penyakit Ternakan dan Kesihatan Awam Veterinar (Program Kesihatan Dan Kebajikan Haiwan)	50.0	20.00
7.	Perkhidmatan Rawatan Klinik dan Ambulatori	40.0	10.38

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(X)8**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

8. Bagaimanakah Kerajaan Negeri menyokong pembangunan teknologi pertanian pintar bagi meningkatkan hasil dan daya saing sektor agromakanan?
- (a) Berapa ramaikah pengusaha tani telah menerima manfaat teknologi ini mengikut DUN?
  - (b) Apakah bentuk insentif atau latihan yang disediakan?

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Kerajaan Negeri sentiasa menyokong pembangunan teknologi pertanian pintar bagi tujuan meningkatkan hasil dan daya saing sektor agromakanan di negeri ini.

Melalui Program Pengukuhan Keterjaminan Makanan: Program Mengoptimumkan Penggunaan Tanah Dengan Kerjasama Kerajaan Negeri Di Bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), pihak KPKM telah meluluskan Program Pertanian Pintar (*Smart Farming and Internet of Things, IOT*) bagi Tanaman Padi di Kawasan Jelapang Padi Negeri Pulau Pinang dengan jumlah peruntukan sebanyak RM500,000.00 pada tahun 2024 dan projek ini telah berjaya dilaksanakan oleh Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Pulau Pinang. Justeru, pihak KPKM sekali lagi telah meluluskan sambungan projek ini bagi tahun 2025 dengan jumlah peruntukan adalah sebanyak RM498,800.00.

Selain pelaburan dalam teknologi, Kerajaan Negeri turut memberi penekanan kepada aspek pembangunan modal insan. Melalui program latihan dan bimbingan teknikal, petani dan pengusaha pertanian diberi pendedahan kepada kemahiran baharu dalam penggunaan teknologi serta pemahaman tentang analisis data pertanian. Kerjasama strategik bersama institusi pengajian tinggi seperti Universiti Sains Malaysia (USM) telah diwujudkan bagi menawarkan kursus dan modul teknologi pertanian moden. Langkah ini dapat memastikan golongan petani sentiasa diberi sokongan dari sudut ilmu pengetahuan dan kemahiran terkini.

Kerajaan Negeri juga turut menyediakan bantuan peralatan seperti dron dan mesin padi kepada koperasi yang berdaftar. Dari tahun 2020 hingga 2024, sebanyak tujuh (7) insentif telah diberikan kepada pelbagai koperasi termasuk lima (5) buah dron yang digunakan untuk pemantauan dan penyemburan tanaman secara efisien.

- (a) Senarai pengusaha tani yang menerima manfaat teknologi mengikut Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) dari tahun 2020 sehingga 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Insentif dan latihan yang disediakan adalah seperti yang berikut:
  - (i) Kerjasama melalui Majlis Industri Makanan dan Teknologi Pertanian Pulau Pinang bertujuan mempercepatkan pertumbuhan sektor pertanian pintar dan industri makanan di negeri ini;
  - (ii) Insentif Program Inovasi Dan *Internet of Things* (IoT) Teknologi Pertanian;
  - (iii) Insentif Pensijilan myGAP dan myORGANIC sebagai galakan kepada petani untuk terus meningkatkan daya saing produk tanaman di pasaran; dan
  - (iv) Latihan Dan Pembangunan Kemahiran yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran petani dalam bidang pertanian moden dan pintar.

**LAMPIRAN A****SENARAI PENGUSAHA TANI YANG MENERIMA MANFAAT  
TEKNOLOGI MENGIKUT KAWASAN DEWAN UNDANGAN NEGERI  
(DUN) DARI TAHUN 2020 SEHINGGA 2025**

<b>DUN/Tahun</b>	<b>2020</b>	<b>2021</b>	<b>2022</b>	<b>2023</b>	<b>2024</b>	<b>2025</b>	<b>Jumlah</b>
Sungai Bakap	4	0	56	0	0	10	<b>70</b>
Bukit Tengah	6	0	14	0	0	0	<b>20</b>
Seberang Jaya	1	95	0	0	0	2	<b>98</b>
Penanti	6	55	152	65	1	21	<b>300</b>
Permatang Pasir	41	56	20	64	16	1	<b>198</b>
Bertam	0	2	125	1	0	0	<b>128</b>
Pinang Tunggal	0	2	0	0	0	0	<b>2</b>
Telok Air Tawar	0	1	0	0	31	0	<b>32</b>
Sungai Acheh	0	98	0	37	36	0	<b>171</b>
Telok Bahang	0	101	35	4	25	1	<b>166</b>
Permatang Berangan	0	0	5	21	3	0	<b>29</b>
Sungai Dua	0	0	1	108	0	55	<b>164</b>
Penaga	0	0	54	60	0	0	<b>114</b>
Machang Bubuk	0	0	0	1	7	4	<b>12</b>
Padang Lalang	0	0	0	11	0	0	<b>11</b>
Bayan Lepas	0	0	0	1	2	2	<b>5</b>
Tanjong Bunga	0	0	0	0	1	0	<b>1</b>
Pulau Betong	0	0	0	0	31	2	<b>33</b>
Jawi	0	0	0	0	1	51	<b>52</b>
Batu Lancang	0	0	0	0	7	7	<b>14</b>
Batu Maung	0	0	0	0	0	1	<b>1</b>
Air Itam	0	0	0	0	0	1	<b>1</b>
Paya Terubong	0	0	0	0	0	1	<b>1</b>
<b>Jumlah</b>	<b>58</b>	<b>410</b>	<b>462</b>	<b>373</b>	<b>161</b>	<b>159</b>	<b>1623</b>

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(X)9**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

9. Sejauh manakah Pulau Pinang terlibat dalam pelaksanaan varieti padi yang baharu termasuk tahan air masin seperti yang diumumkan?
- (a) Di manakah lokasi yang dikenal pasti bagi percubaan varieti ini di negeri ini?
  - (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi menghasilkan varieti benih padi yang sesuai dengan perubahan cuaca?

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Kerajaan Negeri terlibat secara tidak langsung dalam pelaksanaan varieti padi baharu termasuk varieti hasil tinggi, varieti rintang penyakit, toleran terhadap kemarau, air masin dan banjir. Kerajaan Negeri menerusi mesyuarat dan libat urus bersama-sama jabatan/agensi berkaitan sentiasa mengambil maklum, menyokong dan memudah cara pelaksanaan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) termasuk kajian varieti baharu ini.
- (a) Usaha tersebut dilaksanakan oleh pihak MARDI, di mana aktiviti R&D pembangunan varieti tertumpu di MARDI Seberang Perai dan penilaian varieti turut dijalankan di beberapa lokasi kawasan penanaman padi di Negeri Pulau Pinang.

Terdapat beberapa lokasi penilaian varieti padi baharu yang dijalankan oleh MARDI di Negeri Pulau Pinang termasuk Bumbong Lima, Penaga, Pantai Kamloon dan Padang Menora.

Pada bulan Ogos 2025, MARDI bakal melancarkan satu varieti padi baharu khusus untuk kawasan jelapang iaitu MR 333 di Kampung Lahar Minyak, Kepala Batas, Pulau Pinang.

- (b) Antara usaha Kerajaan Negeri bagi menghasilkan varieti padi yang sesuai dengan perubahan iklim adalah seperti yang berikut:
  - (i) Memberi sokongan terhadap aktiviti R&D dengan menyokong inisiatif penyelidikan varieti baharu oleh agensi seperti MARDI, termasuk penyediaan kemudahan dan tapak percubaan;
  - (ii) Mendorong kerjasama antara jabatan/agensi berkaitan dengan menggalakkan kerjasama erat antara agensi dalam negeri bagi memperkasa program pengembangan teknologi varieti baharu; dan
  - (iii) Menaik taraf infrastruktur di jelapang padi dengan menaik taraf sistem saliran dan pengairan bagi menghadapi kesan perubahan iklim seperti kemarau, banjir dan kemasukan air masin.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(X)10**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

10. Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan penyertaan belia dalam sektor agromakanan melalui program Agropreneur Muda?
- (a) Berapakah jumlah peserta belia yang aktif setakat ini?
  - (b) Apakah cabaran utama penyertaan belia dan langkah kerajaan untuk penyelesaiannya?

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Kerajaan Negeri menyokong penyertaan belia dalam sektor agromakanan melalui program Agropreneur Muda melalui program-program seperti yang berikut:

1. Pemberian Bantuan Geran Melalui Program Agropreneur Muda

Golongan belia berumur antara 18 hingga 45 tahun ditawarkan bantuan geran sehingga RM20,000.00 bagi projek Industri Makanan dan Asas Tani (IMAT) serta sehingga RM30,000.00 bagi projek tanaman. Hebahan program ini dibuat melalui platform media sosial bagi memastikan maklumat sampai kepada belia yang berminat. Permohonan dibuat secara atas talian melalui pautan yang disediakan.

2. Kursus/Latihan Teknikal Ke Arah Pengaplikasian Kemahiran Dan Teknologi Pertanian Moden

Belia yang menyertai Program Agropreneur Muda diwajibkan mengikuti kursus/latihan teknikal yang dianjurkan atau diiktiraf oleh

jabatan/agensi di bawah kementerian atau yang diiktiraf oleh kementerian.

### 3. Bimbingan Dan *Coaching* Secara Berterusan

Jabatan Pertanian menyediakan pegawai kawasan di peringkat lapangan dan pegawai teknikal persekutuan untuk membimbing peserta muda ini supaya projek yang dilaksanakan adalah stabil dan mampan.

- (a) Jumlah peserta Program Agropreneur Muda di Negeri Pulau Pinang yang aktif sehingga kini adalah seramai 27 orang seperti pecahan yang berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>KATEGORI TANAMAN</b>	<b>KATEGORI IMAT</b>
2019	4	1
2020	3	4
2021	0	1
2022	0	4
2023	4	0
2024	4	2
<b>JUMLAH</b>	<b>15</b>	<b>12</b>

- (b) Cabaran utama yang dihadapi melalui penyertaan belia adalah seperti yang berikut:

(i) Stigma Negatif Terhadap Bidang Pertanian

Belia menganggap sektor pertanian sebagai kerja kasar, tidak moden dan kurang menjanjikan pulangan pendapatan serta status sosial.

(ii) Kekurangan Akses Kepada Modal Dan Tanah

Belia sukar mendapatkan modal permulaan untuk memulakan projek serta isu pemilikan atau akses kepada tanah pertanian terutamanya di kawasan pulau yang semakin membangun dan mahal nilai tanahnya.

(iii) Kekurangan Pengetahuan Dan Kemahiran Pertanian Moden

Belia kurang pendedahan kepada teknologi pertanian moden seperti pertanian pintar (*smart farming*), hidroponik, atau *Internet of Things* (IoT).

(iv) Pasaran Dan Rantainya Bekalan Tidak Konsisten

Sukar untuk menembusi pasaran secara mampan dan menghadapi masalah dari segi pemasaran hasil serta kestabilan harga.

(v) Komitmen Jangka Panjang Dan Risiko

Projek pertanian memerlukan satu tempoh untuk memberikan pulangan hasil yang dikehendaki dan ini menjadi penghalang kepada belia yang inginkan kemewahan segera.

Manakala Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri telah melaksanakan langkah-langkah sebagai kaedah penyelesaian seperti yang berikut:

(i) Bantuan Kewangan Dan Geran

Belia ditawarkan geran, pinjaman mikro dan skim pembiayaan khas melalui jabatan/agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

(ii) Latihan Dan Bimbingan

Program Agropreneur Muda menyediakan kursus teknikal, latihan praktikal dan mentor dalam bidang pertanian moden dan keusahawanan melalui jabatan/agensi di bawah KPKM.

(iii) Penggunaan Teknologi Dan Pendigitalan

Penggunaan aplikasi digital, automasi dan teknologi hijau untuk menjadikan bidang pertanian lebih menarik, produktif dan relevan kepada belia.

(iv) Akses Kepada Tanah Pertanian

Meneroka inisiatif ladang komuniti dengan kerjasama kementerian, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau institut

pendidikan bagi tujuan sewaan/pajakan tanah rizab kosong untuk kegunaan projek pertanian.

(v) Sokongan Pemasaran

Bekerjsama dengan jabatan/agensi seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk membantu belia menjual hasil mereka dengan lebih mudah dan mengurangkan pergantungan kepada orang tengah.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(X)11**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG  
BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

11. Bagaimanakah Kerajaan Negeri menangani isu tanah sawah terbiar akibat masalah pewarisan atau pecah lot?
- (a) Adakah program konsolidasi tanah sawah sedang dijalankan di Pulau Pinang?
  - (b) Apakah insentif bagi waris untuk mengusahakan semula tanah sawah?

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Pihak Berkuasa Negeri (PBN) tidak mempunyai punca kuasa mengikut mana-mana peruntukan undang-undang sedia ada untuk campur tangan dalam urusan perwarisan atau pecah lot tanah milik individu. Pihak yang berkepentingan atau waris yang sah adalah bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah ini melalui urusan faraid/pusaka di Pejabat Pusaka Kecil Pulau Pinang atau di Mahkamah Tinggi.
- (a) Tiada program konsolidasi tanah sawah yang dijalankan di Negeri Pulau Pinang.
  - (b) Kerajaan Negeri menyokong sekiranya waris ingin mengusahakan semula tanah sawah.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(X)12**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG  
BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

12. Bagaimanakah Kerajaan Negeri mempromosikan pertanian bandar di kawasan Pulau untuk meningkatkan keterjaminan makanan?
- (a) Apakah program atau insentif yang ditawarkan kepada penduduk bandar untuk mengusahakan pertanian skala kecil?
  - (b) Adakah terdapat kerjasama dengan pihak swasta atau NGO dalam memajukan pertanian bandar?

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian (DOA) Negeri Pulau Pinang sentiasa menyokong dan mempromosikan pertanian bandar di kawasan Pulau untuk meningkatkan keterjaminan makanan negeri ini. Program-program pertanian bandar yang telah dilaksanakan adalah seperti yang berikut:

**(i) Kebun Komuniti dan Hab Pertanian Bandar**

Sehingga tahun 2024, sebanyak 333 kebun komuniti telah dilaksanakan di pelbagai lokasi mengikut kategori melibatkan 6,665 orang peserta.

**(ii) Kebun Komuniti (Kebuniti) MADANI**

Telah dilaksanakan di 39 buah lokasi pelbagai Parlimen di seluruh negeri.

### **(iii) Projek Kebun Kitar**

Kebun ini menggunakan teknologi pintar seperti pengairan automatik, hidroponik vertikal dan sistem pengurusan sisa sifar.

### **(iv) Pendidikan Pertanian Di Sekolah**

Pelaksanaan di **142 buah lokasi** melibatkan **2,292 orang peserta** dari tahun 2019 hingga 2025, bertujuan untuk membina asas kesedaran awal berkaitan pertanian, keselamatan makanan dan kelestarian alam dalam kalangan generasi muda.

### **(v) Sokongan Kepada Penduduk Kediaman Bertingkat**

Menggunakan insentif **kit pertanian seperti set *Hygrowpot Link Technique (HLT)*** untuk penduduk yang tinggal di kediaman bertingkat seperti flat dan pangsapuri agar aktiviti pertanian dapat dilaksanakan di ruang terhad seperti balkoni atau bumbung bangunan.

(a) Program dan insentif yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri kepada penduduk bandar untuk mengusahakan pertanian skala kecil adalah seperti yang berikut:

- (i) Program Perkebunan Komuniti yang bertujuan membantu isi rumah bandar mengurangkan kos sara hidup dengan menghasilkan sendiri sebahagian daripada bahan makanan yang diperlukan. Program ini menyediakan insentif dan khidmat nasihat secara berterusan kepada institusi, agensi, individu, dan komuniti yang terlibat;
- (ii) Inisiatif 100 Hab Kebun Komuniti berkonsepkan pertanian bandar dalam tempoh lima (5) tahun akan datang. Inisiatif ini melibatkan kerjasama antara agensi kerajaan, institusi pendidikan dan organisasi bukan kerajaan untuk membangunkan projek pertanian bandar yang mampan dan berteknologi tinggi; dan
- (iii) Program Petani Pelapis dan Tabung Usahawan Tani dilaksanakan sebagai galakan kepada penglibatan golongan muda dalam sektor pertanian moden. Program

ini bertujuan memperkasakan peranan belia dalam sektor pertanian dengan menyediakan latihan, bimbingan dan insentif amalan teknologi.

- (b) Kerajaan Negeri sentiasa berkerjasama dengan pihak swasta dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam memajukan pertanian bandar. Program kerjasama yang telah dilaksanakan adalah seperti yang berikut:
  - (i) Program Gotong Royong Pertanian Bandar MASA@Sungai Nibong dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) melalui Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Wakaf Pulau Pinang Sdn. Bhd. (WPPSB) bertujuan memperkasakan komuniti asnaf dengan aktiviti pertanian;
  - (ii) Ekspo Agro Buddies dengan kerjasama *Special Interest Group (SIG) Universiti Teknologi Mara Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP)* iaitu SIG SOLID, SIG HCISE dan SIG COMPAC, *Malaysia Innovation Association (MIA)*, Unit Hal Ehwal Islam UiTM CPP dan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang;
  - (iii) Hari Peladang, Penternak dan Nelayan dengan kerjasama Pembangunan Koperasi Negeri Pulau Pinang serta Jabatan Pengurusan dan Perniagaan UiTM CPP; dan
  - (iv) Projek Kebun Kitar di Perpustakaan Digital Pulau Pinang Fasa 1 dengan kerjasama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Think City.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(X)13**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

13. Apakah dasar sedia ada Kerajaan Negeri bagi mengawal pemilikan dan penyewaan tanah pertanian agar tidak jatuh ke tangan warga asing secara langsung atau tidak langsung?
- (a) Bagaimanakah pemantauan dilakukan terhadap bentuk sewaan yang menggunakan nama proksi atau wakil tempatan?

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Berdasarkan Garis Panduan Permohonan Perolehan Dan Pajakan Hartanah Oleh Bukan Warganegara atau Syarikat Asing Bagi Negeri Pulau Pinang, sekatan dikenakan ke atas bukan warganegara atau syarikat asing iaitu tidak dibenarkan untuk memiliki tanah pertanian kecuali dengan kelonggaran-kelonggaran yang telah disenaraikan dalam garis panduan tersebut. Sehingga kini, Pejabat Tanah dan Galian (PTG) belum pernah menerima sebarang permohonan perolehan tanah pertanian daripada bukan warganegara atau syarikat asing melalui jual beli atau pajakan kecuali turun milik akibat kematian, perintah mahkamah dan perintah pusaka.
- (a) Kerajaan Negeri tidak mempunyai punca kuasa untuk menyekat atau menghalang sebarang urusan penyewaan yang dibuat oleh proksi atau wakil tempatan. Sebarang pemantauan hanya boleh dibuat ke atas ketuanpunyaan atau pemilik yang berdaftar secara rasmi atas sesuatu hakmilik. Pemantauan ini adalah selaras dengan Seksyen 120, Kanun Tanah Negara (KTN) melalui sekatan kepentingan dalam hakmilik yang dikeluarkan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(X)14**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

14. Apakah pelan pembangunan sektor akuakultur air tawar dan payau di Pulau Pinang bagi meningkatkan keterjaminan makanan?
- (a) Senaraikan jumlah pengusaha akuakultur yang berdaftar mengikut jenis ternakan dan lokasi.
  - (b) Apakah bentuk bantuan teknikal dan kewangan yang ditawarkan kepada pengusaha kecil?

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Pelan pembangunan sektor akuakultur air tawar dan payau di Negeri Pulau Pinang adalah seperti yang berikut:
- (i) Penyusunan semula kawasan akuakultur seperti pengezonan kawasan di bawah program Zon Industri Akuakultur (ZIA) dan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM). Kajian dilaksanakan bagi kesesuaian tapak baharu untuk aktiviti sistem ternakan mengikut sektor air tawar dan air payau;
  - (ii) Pemantapan aktiviti akuakultur di Negeri Pulau Pinang melalui pemilihan sistem ternakan dan spesies yang berpotensi untuk produk dengan menggunakan teknologi baharu; dan
  - (iii) Pelaksanaan Program Pembangunan Integrasi Akuakultur (PPIA) (Sistem Sangkar Bersepadu) akan diperluaskan secara menyeluruh kepada sistem ternakan yang lain bagi meningkatkan hasil pengeluaran akuakultur negara.

- (a) Senarai jumlah pengusaha akuakultur yang berdaftar mengikut jenis ternakan dan lokasi adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) DOF Negeri Pulau Pinang sentiasa memberikan khidmat nasihat teknikal kepada 642 orang penternak akuakultur yang berdaftar di Negeri Pulau Pinang. Selain itu, pelbagai program bantuan input bahan dan peralatan sokongan juga turut diberikan kepada kumpulan sasar seperti program-program yang berikut:
- i. Sistem Penyampaian dan Khidmat Sokongan (SPeKS) Akuakultur Tahun 2024 dengan peruntukan sebanyak RM633,492.50 yang melibatkan seramai 22 orang pengusaha;
  - ii. Program Pembangunan Integrasi Akuakultur (PPIA) (Sistem Sangkar Bersepadu) Tahun 2024 dengan peruntukan sebanyak RM1,824,690.00 yang melibatkan seramai empat (4) orang pengusaha iaitu di bawah kategori kluster dan komersial; dan
  - iii. Program Pembangunan Semula Projek Agromakanan (PPSPA) di bawah Tabung Bencana Pertanian (TBP) Tahun 2024 dengan peruntukan sebanyak RM2,458,000.00 bagi membantu 51 orang penternak dengan pemberian input makanan ikan, peralatan serta benih ikan.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang sentiasa memberi perhatian dan khidmat sokongan secara berterusan kepada penternak akuakultur di seluruh Negeri Pulau Pinang bagi memastikan industri ini dapat menyumbang kepada keterjaminan sumber makanan secara berterusan dan peningkatan ekonomi secara amnya.

**LAMPIRAN A****Senarai Pengusaha Akuakultur Yang Berdaftar Mengikut Jenis Ternakan Dan Lokasi di Negeri Pulau Pinang**

<b>Jenis Ternakan / Daerah</b>	<b>Timur Laut</b>	<b>Barat Daya</b>	<b>Seberang Perai Utara</b>	<b>Seberang Perai Tengah</b>	<b>Seberang Perai Selatan</b>	<b>Jumlah Penternak</b>
Kolam Air Tawar	0	2	8	6	10	26
Sangkar Air Tawar	0	0	1	0	0	1
Tangki Air Tawar	1	2	2	2	2	9
Kolam Air Payau	0	12	1	12	96	121
Sangkar Air Payau	43	15	1	0	188	247
Kerang-Kerangan	0	0	0	17	22	39
Ikan Hiasan	14	13	104	10	7	148
Makanan Hidup	0	0	4	4	0	8
Tumbuhan Akuatik (Rumpai Laut)	4	1	0	0	0	5
Benih Air Tawar	0	3	0	1	0	4
Benih Air Payau	0	8	1	4	1	14
<b>Jumlah</b>	<b>62</b>	<b>56</b>	<b>122</b>	<b>56</b>	<b>326</b>	<b>622</b>

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(X)15**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

15. Bagaimanakah Kerajaan Negeri memantau penggunaan tenaga kerja asing dalam industri perikanan tempatan?
- (a) Apakah statistik dari tahun 2020 sehingga kini mengenai bot tempatan yang menggajikan warga asing tanpa dokumen sah?
  - (b) Apakah program pemutihan atau latihan yang disediakan untuk memastikan pematuhan undang-undang imigresen dan perikanan?

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Kerajaan Negeri sentiasa menjalinkan kerjasama secara bersepadu dengan jabatan/agensi persekutuan yang bertanggungjawab dengan isu tenaga kerja warga asing di Negeri Pulau Pinang. Jabatan/agensi yang berkaitan juga sering melaksanakan penguatkuasaan secara berkala bagi memantau dan membanteras isu pekerja warga asing tanpa permit.
- (a) Jumlah bot tempatan yang menggajikan warga asing dengan dokumen yang sah sejak tahun 2020 adalah sebanyak 47 buah bot. Namun tiada data yang diberikan oleh Jabatan Perikanan (DOF) Negeri Pulau Pinang berkaitan warga asing tanpa dokumen yang sah.
  - (b) Bagi memastikan undang-undang dipatuhi, pihak jabatan/agensi penguatkuasa yang berkaitan seperti DOF, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Pasukan Gerakan Marin (Polis Marin Malaysia) sering menjalankan

operasi berdasarkan aduan awam atau secara berkala di lapangan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(X)16**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

16. Bagaimanakah Kerajaan Negeri membantu koperasi sedia ada beralih kepada koperasi berasaskan teknologi digital dan e-dagang?
- (a) Berapakah jumlah koperasi yang telah diberi latihan atau sistem sokongan digital?
  - (b) Apakah platform digital atau pasaran dalam talian yang disediakan untuk koperasi?

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) merupakan organisasi yang bertanggungjawab untuk membangunkan serta mengawal selia (berdasarkan Akta Koperasi 1993) gerakan koperasi di Malaysia supaya sektor koperasi dapat terus berkembang dan berupaya menyumbang kepada pembangunan negara.

Kerajaan Negeri melalui pihak SKM Negeri Pulau Pinang turut memberi sokongan kepada pembangunan koperasi dengan membantu koperasi sedia ada beralih kepada koperasi berasaskan teknologi digital dan e-dagang. Bagi mencapai hasrat ini, beberapa langkah telah diambil seperti berikut:

- i. Melaksanakan program taklimat pendigitalan serta penjualan produk dan perkhidmatan melalui laman sesawang bagi jualan produk koperasi secara atas talian (*online*) kepada koperasi di Negeri Pulau Pinang yang bertujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran digitalisasi kepada anggota koperasi; dan

- ii. Mewujudkan laman web KSHOP sebagai platform pemasaran bagi mempromosikan produk dan perkhidmatan koperasi ke seluruh dunia.
- (a) Sebanyak 52 buah koperasi telah diberi latihan berkaitan penggunaan dan pendaftaran laman web KSHOP. Taklimat ini telah diadakan pada 16 Januari 2025 di Auditorium F, KOMTAR.
  - (b) Kerajaan Negeri menyediakan laman sesawang KSHOP sebagai platform pemasaran digital dan pasaran dalam talian bagi semua koperasi di negeri ini. Selain itu, tiga (3) program yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan koperasi dalam teknologi digital dan e-dagang juga telah dilaksanakan seperti berikut:
    - (i) Program Taklimat Modul Borong China;
    - (ii) Program Young Business Coop Camp; dan
    - (iii) Seminar Penggunaan Laman Web KSHOP.

Langkah ini membolehkan koperasi dapat mengambil peluang dalam pemasaran secara digital yang kini semakin meluas dan menjadi satu trend dalam dunia perniagaan masa kini. Dilihat umumnya, perniagaan yang tidak mengaplikasikan pemasaran digital sukar untuk bertahan lama kerana pada abad ini semakin ramai pengguna lebih gemar membeli produk secara atas talian untuk meningkatkan keupayaan pemasaran secara atas talian selaras dengan pendigitalan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(X)17**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

17. Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk menggalakkan penglibatan belia dalam gerakan koperasi?
- (a) Berapa banyakkah koperasi pelajar atau koperasi belia yang aktif di negeri ini?
  - (b) Adakah program khas diwujudkan untuk melatih belia dalam pengurusan koperasi dan keusahawanan sosial?

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Penglibatan belia dalam gerakan koperasi di Malaysia adalah satu pendekatan bagi mewujudkan generasi pelapis yang bakal memimpin gerakan koperasi. Kerajaan Negeri juga menggalakkan penglibatan belia dalam pembangunan koperasi. Bagi tujuan itu, Program *Young Business Coop Camp* telah dilaksanakan bagi memupuk ciri-ciri keusahawanan kepada golongan belia. Program ini melibatkan anggota koperasi sekolah dan telah dilaksanakan dalam tiga siri program.
- (a) Sehingga 30 Jun 2024, terdapat 151 koperasi belia yang aktif di Negeri Pulau Pinang. Koperasi Maktab Rendah Sains Mara Transkrian Pulau Pinang Berhad merupakan salah sebuah koperasi belia dalam koperasi kluster sederhana dengan perolehan melebihi RM1 juta telah menerima Anugerah Kecemerlangan Koperasi Sekolah Peringkat Kebangsaan Tahun 2024.

- (b) Satu platform khas diwujudkan untuk melatih belia dalam pengurusan koperasi dan keusahawanan sosial iaitu pelaksanaan Program Asas Keusahawanan Koperasi (AKSI) anjuran SKM dengan kerjasama Kementerian Pendidikan yang turut mendapat sokongan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Objektif program adalah seperti berikut:
- (i) Memupuk dan membentuk keusahawanan dalam kalangan pelajar bagi melahirkan lebih ramai usahawan;
  - (ii) Memantapkan dan memperkukuhkan peranan koperasi sekolah sebagai institut kebudayaan keusahawanan koperasi;
  - (iii) Mewujudkan semangat kepimpinan dan kerja berpasukan serta membangunkan potensi pelajar dalam bidang keusahawanan; dan
  - (iv) Mengalakkan pemikiran yang kreatif dan inovatif serta budaya keusahawanan berkoperasi dalam diri pelajar.

Program dan pembelajaran berterusan kepada golongan belia sentiasa dititik beratkan oleh Kerajaan dalam memupuk budaya keusahawanan dalam kalangan belia sekaligus menyasarkan untuk melahirkan lebih ramai usahawan, dan mengukuhkan peranan koperasi sebagai institusi keusahawanan koperasi.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(X)18**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

18. Sejauh manakah Kerajaan Negeri melihat koperasi sebagai alat untuk menstabilkan harga hasil pertanian dan perikanan?
- (a) Berapa banyakkah koperasi diberi peranan dalam sistem pemborongan, pengumpulan atau jualan terus kepada pengguna?
  - (b) Apakah sokongan logistik atau pemasaran yang disediakan kepada koperasi pengeluar?

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Sektor Koperasi umumnya, telah menjadi penyumbang ketiga kepada pertumbuhan ekonomi negara selepas sektor awam dan swasta. Perkara ini menunjukkan bahawa peranan sektor koperasi dalam membantu anggota koperasi dan masyarakat setempat. Kerajaan Negeri sentiasa memberi perhatian yang tinggi bagi pembangunan koperasi. Pelaksanaan program mentor-mentee merupakan satu inisiatif Kerajaan Negeri untuk membangunkan koperasi sebagai satu platform untuk meningkatkan keupayaan aktiviti koperasi tanpa bergantung kepada orang tengah. Peranan orang tengah boleh diambil alih oleh koperasi dengan pengurusan lebih berstruktur dan sistematik. Sebagai contoh, Koperasi Kerjaya Permatang Nibong Pulau Pinang Berhad merupakan satu program mentor-mentee yang berjaya bagi program pengurusan padi berkelompok.
- (a) Terdapat dua (2) koperasi yang telah diiktiraf dan dibangunkan sebagai *Distribution Center* (DC) di Negeri Pulau Pinang iaitu

Koperasi Guru Besar Sekolah Kebangsaan Pulau Pinang Berhad dan Koperasi AUFU Berhad.

Koperasi yang telah diiktiraf sebagai *DC* berperanan sebagai pusat pengumpulan dan pengedaran barangan secara terus kepada peruncit dan kedai-kedai runcit milik koperasi. Ini membolehkan masyarakat setempat dapat memperoleh barangan keperluan harian dengan mudah.

- (b) Bagi pembangunan koperasi, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sokongan logistik bagi memudahkan aktiviti perniagaan koperasi dalam bentuk bantuan infrastruktur seperti *forklift*, lori, peti sejuk dan peti sejuk beku, gondola, tempat penyimpanan barang basah (*cool room*) dan naik taraf stor.

Bantuan pemasaran juga telah diberikan kepada koperasi pengeluar melalui promosi produk secara atas talian dan pemasaran melalui penyertaan dalam ekspo dan pameran. Ini membolehkan koperasi-koperasi mempromosikan dan memasarkan produk mereka kepada pengguna akhir.

Selain itu, koperasi telah diberi peranan untuk melaksanakan Jualan MADANI Koperasi (JMK). Inisiatif ini membolehkan pemborong dan pengeluar menawarkan potongan harga kepada pengguna, sekaligus membantu menstabilkan harga pasaran. Selain itu, pengguna juga berpeluang menikmati harga barangan yang lebih murah daripada harga pasaran.

Pada tahun 2024 juga, Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM200,000.00 melalui Geran Mutiara MADANI kepada 60 buah koperasi untuk membantu menyokong aktiviti perniagaan koperasi di Negeri Pulau Pinang.

Usaha-usaha ini jelas menunjukkan sokongan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri kepada pembangunan sektor koperasi di Malaysia dan khususnya di Pulau Pinang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(X)19**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

19. Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan pesawah di Pulau Pinang turut menerima manfaat daripada bantuan RM15 juta yang diumumkan oleh BERNAS?
- (a) Berapakah jumlah pesawah di Pulau Pinang yang telah atau akan menerima bantuan ini?
  - (b) Apakah bentuk agihan dan kaedah pemantauan pelaksanaan bantuan tersebut?

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Pada 13 Februari 2025, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) bersetuju menyalurkan sumbangan tambahan sebanyak RM30 juta bagi menyokong usaha Kerajaan dalam membela nasib pesawah di seluruh negara. Sehubungan itu, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah mula menyalurkan bantuan khas tersebut kepada pesawah yang layak bermula 24 April 2025.
- (a) Setiap pesawah yang layak akan menerima bantuan dalam bentuk bayaran tunai sebanyak RM145.00 seorang yang dikreditkan terus ke akaun bank masing-masing atau disalurkan secara tunai melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK). Bantuan ini dapat memanfaatkan seramai 206,897 pesawah berdaftar di seluruh negara, termasuk seramai 5,256 pesawah di Negeri Pulau Pinang.

- (b) Bagi memastikan penyaluran bantuan adalah cekap dan teratur, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KADA) telah dilantik sebagai agensi pelaksana. Proses agihan dijalankan secara berperingkat berpandukan pangkalan data pesawah berdaftar bagi Musim 2 Tahun 2024.

Laporan berkala mengenai pelaksanaan dan agihan bantuan ini akan dikemukakan kepada pihak KPKM bagi tujuan pemantauan dan penilaian keberkesanan program untuk memastikan bantuan disampaikan secara telus, efisien serta mencapai matlamat yang disasarkan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(X)20**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

20. Pencemaran Sungai Kereh masih berlaku pada ketika ini.
- (a) Apakah status terkini projek biogas Kampung Selamat?
  - (b) Senaraikan kriteria minimum yang telah dipatuhi oleh 61 ladang ternak babi di Kampung Selamat?
  - (c) Berapakah jumlah najis babi Kampung Selamat yang dibawa ke projek biogas di Ladang Valdor dalam seminggu?

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. (a) Projek biogas tidak dilaksanakan di Kampung Selamat. Sebaliknya, sebuah syarikat iaitu HRB Q Tech akan melaksanakan projek *Quantum Thermal Pyrolysis Cracking* bagi tujuan pengurusan sisa kumbahan. Sebagai langkah permulaan, satu kajian perintis (*pilot study*) bagi pelaksanaan teknologi ini sedang dijalankan dan dijangka siap sepenuhnya sebelum akhir bulan Jun 2025.
- (b) Kriteria minimum yang telah dipatuhi oleh 61 ladang ternak babi di Kampung Selamat adalah seperti yang berikut:
- (i) Menaik taraf kandang terbuka kepada kandang tertutup;
  - (ii) Pengurusan sisa kumbahan di mana kandang perlu dilengkapi alat pengasingan sisa pepejal (*solid separator*) dan pembinaan kolam kumbahan berperingkat;
  - (iii) Pagar perimeter kadang; dan

- (iv) Pembinaan *vehicle dip* di pintu masuk ladang bagi tujuan kawalan penyakit.
  
- (c) Tiada sebarang najis babi dari Kampung Selamat dibawa ke tapak projek biogas di Ladang Valdor yang bertujuan untuk mengelakkan risiko penularan penyakit berjangkit yang berpotensi dibawa melalui najis babi, kenderaan pengangkut atau pekerja yang terlibat dalam proses tersebut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(X)21**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

21. Pembangunan perumahan di DUN Permatang Berangan, Tasek Gelugor semakin rancak membangun.
- (a) Senaraikan taman-taman perumahan baharu yang telah dibangunkan dan akan dibangunkan.
  - (b) Berapakah jumlah unit perumahan yang telah diluluskan mengikut kategori rumah mampu milik?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. (a) Berdasarkan rekod Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), senarai taman-taman perumahan termasuk taman perumahan baharu di kawasan DUN N4 (Permatang Berangan) yang telah mendapat kelulusan kebenaran merancang dari tahun 2018 sehingga tahun 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Berdasarkan rekod Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP), pembangunan Rumah Mutiaraku (RMKu) yang dahulunya dikenali sebagai Rumah Mampu Milik (RMM) dalam pelbagai kategori di DUN Permatang Berangan yang telah siap dibina, dalam pelaksanaan pembinaan dan masih di peringkat perancangan adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

LAMPIRAN A

**SENARAI PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI PEMBANGUNAN  
PERUMAHAN YANG DILULUSKAN DI KAWASAN DUN N4 – PERMATANG BERANGAN  
DARI TAHUN 2018 – 2025**

BIL	TAJUK	STATUS	TARIKH KELULUSAN PELAN BANGUNAN	TARIKH BORANG B (MULA KERJA)	TARIKH CCC
1.	<p>Permohonan Pelan Pembahagian Fasa Untuk Cadangan Mendirikan Skim Perumahan Dan Perniagaan Dengan Penyerahan Dan Pemberimilikan Semula Di Bawah Seksyen 204D(KTN) Di Atas Sebahagian Lot 1769, Mukim 13, Seberang Perai Utara yang mengandungi:-</p> <p>Fasa 1: A) 56 Unit Kedai Pejabat 2 Tingkat (Plot 1 -56) B) 1 Unit Pencawang Elektrik C) 1 Unit Dewan Orang Ramai D) 1 Unit Loji Rawatan Kumbahan</p> <p>Fasa 2: A) 72 Unit Rumah Berkembar 1 Tingkat Jenis A (Plot 57-92, 94-129) B) 76 Unit Rumah Berkembar 1 Tingkat Jenis B (Plot 130-205) C) 1 Unit Rumah Sesebuah 1 Tingkat (Plot 93) D) 4 Blok Rumah Pangsa Kos Rendah 4 Tingkat (264 Unit); - 1 Unit Surau - 1 Unit Pencawang Elektrik - 1 Unit Dewan Orang Ramai, Pejabat Pengurusan &amp; Tadika - 1 Unit Pondok Pengawal</p> <p>Fasa 3: A) 116 Unit Rumah Teres 1 Tingkat Jenis A (Plot 206-321)</p> <p>Fasa 4: A) 39 Unit Rumah Teres 1 Tingkat</p>	<p>OSC Lulus pada 21 Februari 2018</p>	<p>22/12/2016</p>	<p>13/11/2017</p>	<p>04/11/2020</p>

BIL	TAJUK	STATUS	TARIKH KELULUSAN PELAN BANGUNAN	TARIKH BORANG B (MULA KERJA)	TARIKH CCC
	<p>Jenis A (Plot 322-360)            B) 127 Unit Rumah Teres 1 Tingkat            Jenis B (Plot 361-487)            C) 60 Unit Rumah Teres 1 Tingkat            Jenis C (Plot 488-547)            Fasa 5:            A) 121 Unit Rumah Teres 1 Tingkat            Jenis D (Plot 548-607, 609-669)            B) 40 Unit Rumah Teres 1 Tingkat            Jenis E (Plot 670-709)            C) 1 Unit Tadika (Plot 608)            Kemajuan Masa Hadapan:            A) 3 Tapak Kemajuan Masa Hadapan (Perumahan)            B) 1 Tapak Kemajuan Masa Hadapan (Perumahan Dan Perniagaan)            [Melalui Pelan Kebenaran Merancang Yang Telah Diluluskan Pada 18/09/2013, No. Ruj: (44A)MPSP/70/39-13/6]            Untuk Tetuan Kuntum Bina Sdn. Bhd.</p>				
2.	<p>Permohonan Pelan Pembahagian Fasa Bagi Skim Perumahan Dan Perniagaan Yang Mengandungi:-</p> <p>Fasa 1A            a. 1 Blok Rumah Pangsa Kos Rendah 9 Tingkat (119 unit) (Plot 129)            b. 15 unit Kedai Pejabat 2 Tingkat (Plot 1-15)            c. Tapak Surau (Plot 124)            d. Tapak Penjaja (Plot 125)            Fasa 1B            a. 1 Plot Perumahan Hakmilik Strata (Plot 122)                i. 51 unit Rumah Teres 2 Tingkat                ii. 20 unit Rumah Berkembar 2 Tingkat                iii. 1 Unit Pusat Komuniti / Dewan</p>	<p>OSC Lulus pada 7 Jun 2017            bil.(23A) dlm siri yg. sama.            OSC pada 16 Mei 2018 telah meluluskan Pelan Pembahagian Fasa</p>	<p>Fasa 1B            13/8/2018</p>	<p>Belum dikemukakan</p>	-

BIL	TAJUK	STATUS	TARIKH KELULUSAN PELAN BANGUNAN	TARIKH BORANG B (MULA KERJA)	TARIKH CCC
	<p>Orang Ramai 2 Tingkat Dengan Kolam Renang.</p> <p>Fasa 1C</p> <p>a. 1 Plot Perumahan Hakmilik Strata (Plot 122)</p> <p>i. 49 unit Rumah Teres 1 Tingkat</p> <p>Fasa 1D</p> <p>a. 40 unit Kedai Pejabat 2 Tingkat (Plot 16-55)</p> <p>Fasa 2A</p> <p>a. 1 Plot Perumahan Hakmilik Strata (Plot 122)</p> <p>i. 55 unit Rumah Teres 2 Tingkat</p> <p>ii. 20 unit Rumah Berkembar 2 Tingkat</p> <p>Fasa 2B</p> <p>a. 1 Plot Perumahan Hakmilik Strata (Plot 122)</p> <p>i. 201 unti Rumah Teres 1 Tingkat</p> <p>Fasa 1C</p> <p>a. 66 unit Kedai Pejabat 2 Tingkat (Plot 16-55)</p> <p>Untuk Tetuan Pavillion Everise Sdn. Bhd.</p>				
3.	<p>Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina:-</p> <p>A. 40 Unit Rumah Berkembar 1 Tingkat</p> <p>B. 290 Unit Rumah Teres 1 Tingkat Jenis A</p> <p>C. 84 Unit Rumah Teres 1 Tingkat Jenis B</p> <p>D. 1 Blok Rumah Pangsa Kos Rendah 4 Tingkat (65 Unit) Hakmilik Strata</p> <p>E. Tapak Surau</p> <p>F. Tapak Dewan Orang Ramai</p> <p>G. Tapak Tadika</p> <p>H. Pusat Penjaja</p>	<p>OSC Lulus pada 5 September 2018</p> <p>Pindaan pelan dengan syarat kawasan lapang di kawasan rumah kos rendah perlu dicukupkan.</p>	21/7/2022	18/07/2023	-

BIL	TAJUK	STATUS	TARIKH KELULUSAN PELAN BANGUNAN	TARIKH BORANG B (MULA KERJA)	TARIKH CCC
	<p>Berserta Kemudahan-Kemudahan Di Atas Sebahagian Lot 1769, Mukim 13, Jalan Ara Kuda, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.</p> <p>(Pindan Kepada Pelan Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Sekim Pembangunan Yang telah diluluskan pada 19.09.2013 melalui pelan bil. (44A) dlm. MPSP/70/39-13/6 dan pada 09.02.2015 melalui pelan bil (67A)dlm.MPSP/70/39-13/6)</p> <p>Untuk Tetuan Kuntum Bina Sdn. Bhd.</p>				
4.	<p>Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina:-</p> <p>A. 17 Unit Rumah Teres 2 Tingkat Jenis A</p> <p>B. 114 Unit Rumah Teres 2 Tingkat Jenis B</p> <p>C. 18 Unit Kedai Pejabat 2 Tingkat</p> <p>D. 1 Unit Dewan Orang Ramai</p> <p>E. 1 Unit Pencawang Elektrik</p> <p>F. Tapak Ribi</p> <p>G. Tapak Kemajuan Masa Hadapan (Perniagaan)</p> <p>Di atas Lot 1773, 1775, 768, Jalan Ara Kuda, Mukim 13, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.</p> <p>Secara Serentak Dengan Penyerahan Balik Dan Pemberimilikan Semula (Seksyen 204D KTN)</p> <p>Untuk Tetuan Primutiara Development Sdn. Bhd.</p>	<p>OSC Lulus pada 21 September 2018</p>	25/8/2021	26/05/2022	19/12/2024
5.	<p>Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pembangunan Yang Mengandungi :</p> <p>A. 4 Unit Rumah Berkembar 2</p>	<p>OSC Lulus pada 22 Januari 2019</p>	21/6/2022	Belum dikemukakan	-

BIL	TAJUK	STATUS	TARIKH KELULUSAN PELAN BANGUNAN	TARIKH BORANG B (MULA KERJA)	TARIKH CCC
	<p>Tingkat</p> <p>B. 81 Unit Rumah Teres 2 Tingkat Jenis A</p> <p>C. 22 Unit Rumah Teres 2 Tingkat Jenis B</p> <p>D. 1 Unit Rumah Sesebuah 2 Tingkat</p> <p>E. 1 Unit Dewan Orang Ramai 1 Tingkat</p> <p>F. 1 Unit Pencawang Tnb</p> <p>Di Atas Lot 3081 &amp; 4370, Jalan Pokok Sena Mukim 12, Seberang Perai Utara.</p> <p>Untuk Tetuan : Metro Jelata Sdn. Bhd.</p>				
6.	<p><b>SKIM RUMAH MAMPU MILIK</b></p> <p>Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Cadangan Pembangunan Skim Perumahan Rumah Mampu Milik Berpagar (Hakmilik Strata) Yang Terdiri Daripada:</p> <p>A.338 Unit Townhouse 2 Tingkat</p> <p>B.1 Unit Pondok Pengawal 1 Tingkat</p> <p>C.1 Unit Dewan Serbaguna Dan Tadika/ Taska</p> <p>D.1 Unit Depo Sampah &amp; Pusat Kitar Semula</p> <p>E.1 Unit Pusat Pencawang Elektrik</p> <p>Di Atas Lot 5569 Hingga Lot 5657 Dan Tanah Kerajaan (Di Atas Lot 5665 &amp; Simpanan Jalan Sedia Ada), Sebahagian Lot Lama 4378, Mukim 12, Seberang Perai Utara Secara Serentak Dengan Penyerahan Dan Pemberimilikan Semula (Sek. 204d KTN)</p> <p>Untuk Tetuan PTL Properties Sdn. Bhd.</p> <p>5.486071,100.463856</p>	<p>OSC Lulus pada 13 Jun 2019</p>	23/12/2019	12/02/2020	20/11/2023

BIL	TAJUK	STATUS	TARIKH KELULUSAN PELAN BANGUNAN	TARIKH BORANG B (MULA KERJA)	TARIKH CCC
7.	<p><b>SKIM RUMAH MAMPU MILIK</b>  Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Cadangan Skim Pembangunan Yang Terdiri Daripada :1. Komersial Zon A  A. 64 Unit Kedai Pejabat 2 Tingkat  B. 2 Unit Kedai Pejabat 3 Tingkat  C. 1 Unit Pencawang Elektrik Tnb2. Komersial Zon B  A. 18 Unit Kedai Pejabat 2 Tingkat  B. 1 Unit Kedai Pejabat 3 Tingkat  C. 1 Unit Pencawang Tnb Padat3. Fasa 1  Fasa 1a  A. 382 Unit Rumah Teres Mampu Milik 2 Tingkat (16' X 60')  Termasuk 4 Unit Pelbagai Guna (Tadika, Taska Dan Pusat Jagaan)  B. 1 Unit Dewan Serbaguna Tnb  C. 1 Unit Surau  D. 3 Unit Pencawang Elektrik Tnb  E. 1 Unit Tapak Loji Pengolahan KumbahanFasa 1b  A. 312 Unit Rumah Teres Mampu Milik 2 Tingkat (16' X 60')  Termasuk 2 Unit Pelbagai Guna (Tadika, Taska Dan Pusat Jagaan)  B. 1 Unit Dewan Serbaguna  C. 1 Unit Pencawang Elektrik Tnb  D. 1 Unit Pencawang Tnb PadatFasa 1c  A. 285 Unit Rumah Teres Mampu Milik 2 Tingkat (16' X 60')  Termasuk 4 Unit Pelbagai Guna (Tadika, Taska Dan Pusat Jagaan)  B. 1 Unit Pencawang Elektrik Tnb4. Fasa 2Fasa 2a  A. 386 Unit Rumah Teres Mampu Milik 2 Tingkat (18' X 60')  Termasuk 3 Unit Pelbagai Guna</p>	<p>OSC Lulus pada 5 Mac 2020 dengan syarat tambahan masuk SPC untuk harga rumah mampu milik.</p>	<p>Fasa 1a 5/3/2020  Fasa 2a 17/12/2020  Fasa 3a 15/7/2021  Fasa 3b 15/7/2021  Komersial Zon A &amp; B 24/3/2021</p>	<p>25/11/2020  15/07/2021  27/12/2021  06/04/2022  19/07/2022</p>	<p>12/07/2023  07/12/2023  22/03/2024  14/11/2024  02/10/2024</p>

BIL	TAJUK	STATUS	TARIKH KELULUSAN PELAN BANGUNAN	TARIKH BORANG B (MULA KERJA)	TARIKH CCC
	<p>(Tadika, Taska Dan Pusat Jagaan)  B. 2 Unit Pencawang Elektrik  TnbFasa 2b  A. 203 Unit Rumah Teres Mampu  Milik 2 Tingkat (18' X 60'  Termasuk 3 Unit Pelbagai Guna  (Tadika, Taska Dan Pusat Jagaan)  B. 1 Unit Pencawang Tnb Padat5.  Fasa 3Fasa 3a  A. 401 Unit Rumah Teres Mampu  Milik 2 Tingkat (18' X 60')  Termasuk 4 Unit Pelbagai Guna  (Tadika, Taska Dan Pusat Jagaan)  B. 1 Unit Dewan Serbaguna  C. 1 Unit Surau  D. 2 Unit Pencawang Elektrik Tnb  E. Kolam TakunganFasa 3b  A. 367 Unit Rumah Teres Mampu  Milik 2 Tingkat (18' X 60')  Termasuk 4 Unit Pelbagai Guna  (Tadika, Taska Dan Pusat Jagaan)  B. 2 Unit Pencawang Elektrik Tnb6.  Pejabat Jualan &amp; Rumah Contoh  Sementara 3 Tahun  A. 1 Unit Pejabat Jualan  B. 6 Unit Rumah Contoh Berkembar  2-Tingkat  C. 1 Unit Pejabat Projek  D. 1 Unit Pondok Pengawal7. 1 Unit  Tapak Sekolah  8. 1 Unit Tapak Masjid  9. 1 Unit Tapak PPU Tnb  10. 1 Unit Tapak Ribi  11. 1 Unit Pasar Awam (125 Unit  Gerai)  12. 1 Unit Stor MBSP  13. Kolam Takungan  14. Kemajuan Masa Hadapan  (Kediaman / Komersil)Di Atas Lot-Lot  535, 567, 568, 3262, 3263, Lot 21141</p>				

BIL	TAJUK	STATUS	TARIKH KELULUSAN PELAN BANGUNAN	TARIKH BORANG B (MULA KERJA)	TARIKH CCC
	& Lot 21142, Mukim 12, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. Serentak Dengan Permohonan Penyerahan Balik Lot-Lot 535, 567,568, 3262, 3263 & 5688 (Lot Baru - Lot 21141 & Lot 21142) Dan Pemberimilikan Semula Di Bawah Seksyen 204d, KTN. Untuk: Tetuan Scientex (Skudai) Sdn. Bhd.(5.495674, 100.495690)				
8.	Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Cadangan Mendirikan 1 Unit Rumah Sesebuah 1 Tingkat (Jenis A) Dan 28 Unit Rumah Berkembar 1 Tingkat (Jenis B & C), Di Atas Lot 1066, Mukim 8, Jalan Pongsu Seribu, Seberang Perai Utara. Untuk Tetuan : Greenview Villa Development Sdn. Bhd.	OSC Lulus pada 3 September 2020.	3/9/2020	Belum dikemukakan	-
9.	Permohonan Pembahagian Fasa:Fasa 1: a)28 unit Rumah Berkemabr 2 tkt b) 1 unit rumah sesebuah 2tkt c) Kolam Tadahan Air d) Pencawang Elektrik e) Loji Kumbahan f) Kawasan LapangFasa 2 a) 10 unit Rumah Berkembar 2Tkt b) 1 unit rumah sesebuah 2 tkt Di Atas Lot 2780, Mukim 12, Seberang Perai Utara Untuk Tetuan Binwan Development Sdn. Bhd.	OSC Lulus pembahagian fasa pada 17 Disember 2020. OSC Lulus pada 26 Mei 2010	14/4/2021	Belum dikemukakan	-
10.	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Skim Perumahan Dan Perniagaan Yang Mengandungi: Fasa 1	OSC Lulus pada 24 Feb 2021	Fasa 1 22/11/2021  Fasa 2	14/12/2021	-

BIL	TAJUK	STATUS	TARIKH KELULUSAN PELAN BANGUNAN	TARIKH BORANG B (MULA KERJA)	TARIKH CCC
	<p>A. 1 Blok 127 Unit Rumah Pangsa Kos Rendah 15 Tingkat Fasa 2</p> <p>A. 53 Unit Kedai Pejabat 2 Tingkat</p> <p>B. 386 Unit Rumah Teres 1 Tingkat</p> <p>C. 20 Unit Rumah Berkembar 1 Tingkat</p> <p>D. 1 Unit Dewan Orang Ramai</p> <p>E. 1 Unit Tapak Ribi</p> <p>F. 1 Unit Tapak Surau</p> <p>G. 2 Unit Pencawang Tnb Double Chamber</p> <p>H. 1 Unit Tapak PPU Tnb 2 Tingkat Di Atas Lot-Lot 361, 362, 363, 10071 (Lot Lama 1206), 10072 (Lot Lama 364), 365, 10073 (Lot Lama 366), 10074 (Lot Lama 1820), Dan 368, Mukim 13, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.</p> <p>Secara Serentak Dengan Penyerahan Balik Dan Pemberimilikan Semula (Seksyen 204d, KTN) Untuk Tetuan: Pastech Engineering Sdn. Bhd. (963762-W)</p>		10/2/2022	12/09/2022	-
11.	<p>Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Skim Perumahan Yang Mengandungi :</p> <p>A. 14 Unit Rumah Berkembar 2½ Tingkat (Plot 1-14)</p> <p>B. 1 Unit Rumah Sesebuah 2½ Tingkat (Plot 15)</p> <p>C. 3 Unit Kedai / Pejabat 2 Tingkat (Plot 16-18)</p> <p>Di Atas Lot 2997, Jalan Tasek Gelugor, Mukim 12, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang Serentak Dengan Permohonan Penyerahan</p>	OSC Lulus pada 6 Mei 2021	14/4/2022	Belum dikemukakan	-

BIL	TAJUK	STATUS	TARIKH KELULUSAN PELAN BANGUNAN	TARIKH BORANG B (MULA KERJA)	TARIKH CCC
	Balik Dan Pemberimilikan Semula Di Bawah Seksyen 204d, KTN. Untuk Tetuan : Dwellability Sdn Bhd (5.481602, 100.502969)				
12.	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Skim Perumahan Di Atas Lot 21125, Mukim 12, Jalan Tok Bedu, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang Yang Terdiri Daripada:Fasa 1: a) 44 Unit Rumah Teres 2 Tingkat b) 1 Unit Bangunan Dewan Orang Ramai c) 1 Unit Loji Rawatan Kumbahan d) 1 Unit Pusat Pencawang Elektrik Jenis PadatFasa 2: A. 29 Unit Rumah Teres 2 TingkatTetuan : Ihsan Ceria Sdn. Bhd.	OSC Lulus pada 27 Jan 2022, OSC Lulus rayuan meminda lot pada 17 Disember 2020.	6/7/2023	28/06/2024	-
13.	<b>SKIM RUMAH MAMPU MILIK</b> Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Cadangan Skim Pembangunan Rumah Mampu Milik Yang Terdiri Daripada: Fasa 1: A. 301 Unit Rumah Mampu Milik Teres 2-Tingkat (16'x60') B. 1 Unit Pencawang Elektrik Tnb C. 2 Unit Pencawang Tnb Padat D. 1 Unit Tapak Loji Pengolahan Kumbahan E. 1 Unit Tapak PPU Tnb F. 1 Unit Stor MBSP G. 1 Unit Surau 1 H. Kolam TakunganFasa 2: A. 222 Unit Rumah Mampu Milik Teres 2-Tingkat (16'x60') B. 1 Unit Dewan Serbaguna 1 C. 1 Unit Pencawang Elektrik Tnb	OSC Lulus pada 27 Jan 2022	Fasa 1 27/1/2022  Fasa 2 11/1/2024	16/03/2023  06/01/2025	-  -

BIL	TAJUK	STATUS	TARIKH KELULUSAN PELAN BANGUNAN	TARIKH BORANG B (MULA KERJA)	TARIKH CCC
	<p>D. 1 Unit Pencawang Tnb Padat</p> <p>E. 1 Unit Tapak RibiFasa 3:</p> <p>A. 283 Unit Rumah Mampu Milik Teres 2-Tingkat (16'x60'</p> <p>B. 1 Unit Surau 2</p> <p>C. 2 Unit Pencawang Elektrik TnbFasa 4:</p> <p>A. 292 Unit Rumah Mampu Milik Teres 2-Tingkat (16'x60')</p> <p>B. 2 Unit Pencawang Elektrik Tnb Fasa 5:</p> <p>A. 429 Unit Rumah Mampu Milik Teres 2-Tingkat (16'x60')</p> <p>B. 1 Unit Dewan Serbaguna 2</p> <p>C. 2 Unit Pencawang Elektrik Tnb</p> <p>D. 1 Unit Pencawang Tnb PadatFasa 6:</p> <p>A. 240 Unit Rumah Mampu Milik Teres 2-Tingkat (18'x65')</p> <p>B. 1 Unit Pencawang Elektrik Tnb</p> <p>C. 2 Unit Pencawang Tnb PadatFasa 7:</p> <p>A. 204 Unit Rumah Mampu Milik Teres 2-Tingkat (18'x65')</p> <p>B. 1 Unit Pencawang Elektrik Tnb</p> <p>C. 2 Unit Pencawang Tnb Padat</p> <p>D. 1 Unit Pasar AwamKemajuan Masa Hadapan 1 (Komersial); Kemajuan Masa Hadapan 2 (Lot Kedai Pejabat - Komersial).</p> <p>1 Unit Tapak Sekolah</p> <p>1 Unit Tapak Masjid</p> <p>Di Atas Lot 249, Mukim 12, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.</p> <p>Serentak Dengan Permohonan Penyerahan Balik Dan Pemberimilikan Semula Mengikut Seksyen 204d, Kanun Tanah Negara</p>		<p>Fasa 3 20/7/2023</p> <p>Fasa 4 20/7/2023</p> <p>Fasa 6 7/12/2022</p> <p>Fasa 7 7/12/2023</p>	<p>08/03/2024</p> <p>10/07/2024</p> <p>14/11/2023</p> <p>01/12/2023</p>	<p>-</p> <p>-</p> <p>-</p> <p>-</p>

BIL	TAJUK	STATUS	TARIKH KELULUSAN PELAN BANGUNAN	TARIKH BORANG B (MULA KERJA)	TARIKH CCC
	1965.Untuk: Tetuan Scientex (Skudai) Sdn. Bhd.				
14.	<p>Permohonan Pembahagian Fasa Bagi Cadangan Pelan Berlulus No. Rujukan (125a) Dlm.MPSP/70/39-13/7 Yang Mengandungi Seperti Berikut :- Permohonan Pembahagian Fasa Yang Mengandungi :-</p> <p>Fasa 1 a) 300 Unit Rumah Teres 1 Tingkat Jenis A b) 63 Unit Rumah Teres 1 Tingkat Jenis B c) 12 Unit Rumah Berkembar 1 Tingkat d) 3 Unit Rumah Sesebuah 1 Tingkat e) 1 Unit Dewan Orang Ramai f) 1 Unit Tapak Ribi g) 1 Unit Tapak Surau h) 2 Unit Pencawang Tnb Double Chamber i) 2 Unit Pencawang Tnb Padat</p> <p>Fasa 2 a) 1 Unit Kedai 2 Tingkat</p> <p>Fasa 3 b) 80 Unit Kedai Pejabat 2 Tingkat c) Tapak Penjaja</p> <p>Di Atas Lot 1219,1763,1766 Dan 1770 (Lot Lama 1189) Jalan Ara Kuda, Mukim 13, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. Untuk Tetuan Gdw Mengkuang Sdn Bhd.</p>	OSC Lulus pembahagian fasa pada 26 April 2022, OSC Lulus pada 21 Mac 2018	Fasa 1 21/10/2020	14/12/2021	02/05/2024
15.	<p>Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pembangunan : Fasa 1 A. 12 Unit Kedai / Pejabat 2 Tingkat</p>	OSC Lulus pada 26 April 2022	22/4/2024	Belum dikemukakan	-

BIL	TAJUK	STATUS	TARIKH KELULUSAN PELAN BANGUNAN	TARIKH BORANG B (MULA KERJA)	TARIKH CCC
	Fasa 2 A. 9 Unit Rumah Teres 2 Tingkat B. 2 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat C. 1 Unit Rumah Banglo 2 Tingkat Di Atas Lot 20189 & Lot 2952, Mukim 12, Jalan Tasek Gelugor, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. Untuk Tetuan : Yoong Tsen Properties Development Sdn. Bhd.				
16.	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina Dan Menyiapkan 95 Unit Rumah Kesejahteraan Rakyat Jenis Teres Setingkat Dan Kemudahan-Kemudahan Sokongan Di Atas Sebahagian Lot 11308 (No. Lot Lama PT 1833), Mukim 13, Tok Alang, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang Untuk :Tetuan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)	OSC Lulus pada 22 September 2022, OSC Lulus pada 8 September 2022	05/09/2024	26/02/2025	-
17.	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Rumah Kos Rendah - Program Projek Perumahan Rakyat (Ppr) Yang Mengandungi :- a) 7 Blok (700 Unit) Rumah Pangsa Kos Rendah 5 Tingkat b) 1 Unit Surau c) 1 Unit Tadika Dan 1 Unit Taska d) 1 Unit Balai Komuniti e) 3 Unit Kedai Dan 3 Unit Gerai f) 1 Unit Ribu g) 2 Unit Depo Sampah h) 2 Unit Pencawang Elektrik i) 1 Unit Tapak PPU j) 5 Plot Kemajuan Masa Hadapan (Perumahan) Di Atas Lot 25438 & Lot 421, Mukim	OSC Lulus pada 26 Jan 2023	Belum dikemukakan pelan	-	-

BIL	TAJUK	STATUS	TARIKH KELULUSAN PELAN BANGUNAN	TARIKH BORANG B (MULA KERJA)	TARIKH CCC
	6, Dan Lot 2587, Mukim 8, Pongsu Seribu, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. Untuk : Tetuan Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan				
18.	Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Cadangan Membina 48 Unit Rumah Teres 1 Tingkat Di Atas Lot 5310, 5357, Taman Desa Sena, Mukim 12, Pokok Sena, Seberang Perai Utara. Untuk: Tetuan Hong Jin Construction Sdn. Bhd.	OSC Lulus pada 10 Mac 2023	10/03/2023	12/08/2024	-
19.	Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Cadangan 167 Unit Rumah Teres 1 Tingkat Dan 1 Unit Pencawang Elektrik Tnb Di Atas PT 5075-PT 5241 Dan PT 5243, Mukim 12, Jalan Kubang Menerong, Seberang Perai Utara. (Pelan Pindaan Daripada 167 Unit Rumah Teres Kos Rendah 1 Tingkat Kepada 167 Unit Rumah Teres 1 Tingkat.) Untuk Tetuan : Pavilion Everise Sdn Bhd	OSC Lulus rayuan pindaan dan terima sumbangan pada 6 Julai 2023. OSC Lulus rayuan pada 21 Julai 2022, OSC Lulus pada 24 Mac 2021, OSC Tolak Rayuaan pada 24 Feb 2021, OSC Lulus pada 29 Nov 2019	06/07/2023	26/08/2024	-
20.	Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Cadangan Sekim Pembangunan Yang Mengandungi : A. 88 Unit Rumah Teres 2 Tingkat B. 9 Unit Kedai Pejabat 2 Tingkat C. 1 Unit Pencawang Tnb	OSC Lulus pada 26 Oktober 2023	Belum dikemukakan pelan	-	-

BIL	TAJUK	STATUS	TARIKH KELULUSAN PELAN BANGUNAN	TARIKH BORANG B (MULA KERJA)	TARIKH CCC
	D. Tapak Menara Telekomunikasi Di Atas Lot 11202, Mukim 13, , Seberang Perai Utara, Pulau Pinang Untuk : Tetuan Gdw Mengkuang Sdn Bhd.				
21.	<p>Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Projek Skim Perumahan Yang Terdiri Daripada :</p> <p>Fasa 1</p> <p>a) 1 Tapak Loji Kumbahan Berpusat  b) 1 Tapak Kolam Tadahan Berpusat  c) 1 Tapak Pasar Awam &amp; Kompleks Penjaja (125 Unit Gerai)  d) 1 Tapak Stesyen Minyak  e) 1 Tapak Tangki Air  f) 1 Tapak Masjid &amp; Kubur  g) 1 Tapak Pencawang Telekomunikasi  h) 1 Tapak PPU  i) 1 Unit Pencawang Padat (Compact Substation)</p> <p>Fasa 2</p> <p>a) 500 Unit Rumah Pangsapuri Kos Rendah 680kp (14 Tkt) Serta Tadika, Dewan Dan  1 Blok Tempat Letak Kenderaan (3 Tkt)  b) 1 Tapak Surau  c) 1 Tapak Balai Polis  d) 1 Setor Pembersihan MBSP</p> <p>Fasa 3</p> <p>a) 415 Unit Rumah Teres 1 Tingkat (Termasuk 4 Unit Pelbagai Guna)  b) 20 Unit Kedai Pejabat 2 Tingkat  c) 1 Tapak Sekolah  d) 1 Tapak Perpustakaan  e) 2 Tapak Pencawang Tnb  f) 1 Tapak Surau  g) 1 Tapak Dewan</p>	OSC Lulus pada 9 Mei 2024 + SPC	Belum dikemukakan pelan	-	-

BIL	TAJUK	STATUS	TARIKH KELULUSAN PELAN BANGUNAN	TARIKH BORANG B (MULA KERJA)	TARIKH CCC
	<p>Fasa 4</p> <p>a) 324 Unit Rumah Teres 1 Tingkat (Termasuk 3 Unit Pelbagai Guna)</p> <p>b) 70 Unit Kedai Pejabat 2 Tingkat</p> <p>c) 1 Tapak Surau</p> <p>d) 1 Tapak Dewan</p> <p>e) 1 Tapak Pencawang Tnb</p> <p>Fasa 5</p> <p>a) 194 Unit Rumah Teres 1 Tingkat (Termasuk 2 Unit Pelbagai Guna)</p> <p>b) 95 Unit Kedai Pejabat 2 Tingkat</p> <p>c) 1 Tapak Surau</p> <p>d) 1 Tapak Dewan</p> <p>e) 1 Tapak Pencawang Tnb &amp; 2 Pencawang Padat (Compact Substation)</p> <p>Fasa 6</p> <p>a) 305 Unit Rumah Teres 1 Tingkat (Termasuk 3 Unit Pelbagai Guna)</p> <p>b) 1 Tapak Surau</p> <p>c) 1 Tapak Pencawang Tnb</p> <p>Fasa 7</p> <p>a) 323 Unit Rumah Teres 1 Tingkat (Termasuk 3 Unit Pelbagai Guna)</p> <p>b) 1 Tapak Dewan</p> <p>Kemajuan Masa Hadapan (Kmh)</p> <p>a) Kmh 1 (Kediaman)</p> <p>b) Kmh 2 (Kediaman)</p> <p>c) Kmh 3 (Kediaman)</p> <p>d) Kmh 4 (Kediaman)</p> <p>e) Kmh 5 (Kediaman -Rmm) Di Atas Lot 25438 &amp; Lot 421 Mukim 6 Dan Lot 20532 (Lot Lama 2587) Mukim 8, Pongsu Seribu, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. Untuk Tetuan : Perda Ventures Incorporated Sdn Bhd (5.503692, 100.455241)</p>				

BIL	TAJUK	STATUS	TARIKH KELULUSAN PELAN BANGUNAN	TARIKH BORANG B (MULA KERJA)	TARIKH CCC
22.	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Mendirikan 1 Unit Kilang Setingkat Dan Pejabat 2 Tingkat Di Atas Lot 15629, Lorong Asas Tani 3, Mukim 12, Seberang Perai Utara. Tetuan Juru Development Sdn. Bhd.	OSC Lulus pada 9 Mei 2024	Belum dikemukakan pelan	-	-
23.	Rayuan Untuk Membayar Sumbangan Kewangan Bagi Menggantikan Penyediaan Rumah Kos Rendah Bagi Sekim Perumahan Yang Mengandungi :  Fasa 1 A. 468 Unit Rumah Kos Rendah 2 Tingkat Town House Hak Milik Strata (650kp /Unit) Dengan Kemudahan Masyarakat (Dewan Orang Ramai Tadika / Pejabat Pengurusan Dan Pondok Pengawal) B. Tapak Loji Kumbahan C. 1 Tapak PPU D. 2 Unit Pencawang Tnb E. 1 Tapak Sekolah F. 1 Unit Surau G. 1 Tapak Penjaja Dan Pasar H. 1 Unit Setor MBSP Fasa 2 A. 188 Unit Rumah Teres 1 Tingkat Jenis A (Termasuk 3 Unit Pelbagai Guna) B. 184 Unit Rumah Teres 1 Tingkat Jenis B (Termasuk 2 Unit Pelbagai Guna) C. 41 Unit Rumah Teres 1 Tingkat Jenis C (Termasuk 1 Unit Pelbagai Guna) D. 1 Unit Dewan Orang Ramai E. 1 Unit Surau	OSC Lulus rayuan membayar sumbangan pada 6 Jun 2024, OSC Lulus pada 22 Feb 2024, OSC Tangguh pada 8 Feb 2024, OSC Lulus pembahagian fasa pada 12 Jan 2023, OSC Lulus pada 13 Jan 2022	17/04/2023	29/03/2024	-

BIL	TAJUK	STATUS	TARIKH KELULUSAN PELAN BANGUNAN	TARIKH BORANG B (MULA KERJA)	TARIKH CCC
	<p>F. 2 Unit Pencawang Tnb Fasa 3 A. 77 Unit Kedai Pejabat 2 Tingkat B. 1 Unit Fasa 4 A. 40 Unit Rumah Berkembar 1 Tingkat B. 1 Unit Pencawang Tnb Fasa 5 A. 144 Unit Rumah Teres 1 Tingkat Jenis A (Termasuk 2 Unit Pelbagai Guna) B. 242 Unit Rumah Teres 1 Tingkat Jenis B (Termasuk 4 Unit Pelbagai Guna) C. 34 Unit Rumah Berkembar 1 Tingkat D. 1 Tapak Rumah Ibadat Bukan Islam E. 1 Unit Pencawang Tnb Fasa 6 A. 290 Unit Rumah Teres 1 Tingkat Jenis A (Termasuk 3 Unit Pelbagai Guna) B. 204 Unit Rumah Teres 1 Tingkat Jenis B (Termasuk 2 Unit Pelbagai Guna) C. 1 Unit Pencawang Tnb Fasa 7 A. 157 Unit Rumah Teres 1 Tingkat Jenis B B. 1 Unit Pencawang Tnb Fasa 8 A. 3 Tapak Kemajuan Masa Hadapan (Perniagaan) (Kmh 1,2 &amp; 3) Di Atas Lot 1640, Jalan Ara Kuda, Mukim 13, Seberang Perai Utara. Untuk : Tetuan Qualified Management Consortium Sdn. Bhd.</p>				

BIL	TAJUK	STATUS	TARIKH KELULUSAN PELAN BANGUNAN	TARIKH BORANG B (MULA KERJA)	TARIKH CCC
24.	<p>Rayuan Untuk Membayar Sumbangan Kewangan Bagi Menggantikan Penyediaan Rumah Kos Rendah Bagi Sekim Perumahan Yang Mengandungi :</p> <p>Fasa 1  A. 704 Unit Unit Rumah Kos Rendah 2 Tingkat Town House Hak Milik Strata (650kp /Unit) Dengan Kemudahan Masyarakat. (Dewan Orang Ramai Tadika / Pejabat Pengurusan , Surau Dan Pondok Pengawal)  B. Tapak Masjid  C. 1 Tapak Sekolah  D. 2 Unit Pencawang Tnb  E. 1 Tapak Loji Kumbahan  F. 1 Tapak Rumah Ibadat Bukan Islam (Ribi)  G. 1 Tapak PPUFasa 2  A. 1009 Unit Rumah Teres 1 Tingkat  B. 2 Unit Pencawang Tnb  C. 1 Unit Surau  D. 1 Unit Dewan Orang Ramai  E. 1 Tapak Penjaja Dan PasarFasa 3  A. 579 Unit Rumah Teres 1 Tingkat  B. 2 Unit Pencawang Tnb  C. 1 Unit Surau  D. 1 Stor MBSPFasa 4  A. 54 Unit Kedai Pejabat 2 Tingkat  Fasa 5  A. 1 Tapak Kemajuan Masa Hadapan (Kediaman)  Fasa 6  A. 1 Tapak Kemajuan Masa Hadapan (Perniagaan)  Di Atas Sebahagian Lot 15641 (Lot Lama 5687), Jalan Kubang Menerong, Mukim 12, Seberang</p>	<p>OSC Lulus rayuan membayar sumbangan pada 6 Jun 2024, OSC Lulus rayuan terhadap syarat Jbt. Kejuruteraan pada 7 Mac 2024, OSC Lulus KMH FASA 5 pada 13 Oktober 2023, OSC Lulus pembahagian fasa pada 10 Nov 2022, OSC Lulus pada 27 Jan 2022</p>	26/01/2023	04/10/2023	-

BIL	TAJUK	STATUS	TARIKH KELULUSAN PELAN BANGUNAN	TARIKH BORANG B (MULA KERJA)	TARIKH CCC
	Perai Utara. Permohonan Serentak Dengan Penyerahan Balik Dan Pemberimilikan Semula (Seksyen 204 D, KTN) Untuk Tetuan Maple Meadow Sdn.Bhd.				
25.	Rayuan Terhadap Syarat Kelulusan Bagi Penyediaan 70 Unit Rumah Kos Rendah Bagi: Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan :  A. 4 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat B. 227 Unit Rumah Teres 2 Tingkat (Termasuk 2 Unit Pelbagai Guna) C. 1 Unit Dewan Orang Ramai D. 1 Unit Loji Rawatan Kumbahan E. 1 Unit Pencawang Elektrik Di Atas Lot 1776, 1777 & 10061, Mukim 13, Jalan Ara Kuda, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang Serentak Dengan Permohonan Penyerahan Dan Pemberimilikan Semula Di Bawah Seksyen 204d (KTN). Untuk Tetuan Primutiara Development Sdn. Bhd.	OSC Lulus rayuan pada 6 Jun 2024, OSC Lulus pada 4 April 2024	10/04/2025	Belum Dikemukakan	-
26.	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina Satu Unit Rumah Kediaman Sesebuah Dua Tingkat Di Atas Lot 3399, Jalan Pongsu Seribu Mukim 8, Kepala Batas Seberang Perai Utara. Untuk Tetuan : Ooi Eng Seng	OSC Lulus pada 10 Julai 2024	Belum dikemukakan pelan	-	-

BIL	TAJUK	STATUS	TARIKH KELULUSAN PELAN BANGUNAN	TARIKH BORANG B (MULA KERJA)	TARIKH CCC
27.	<p>Rayuan Terhadap Syarat Kelulusan Bagi Keperluan Penyediaan Pasar Awam (125 Unit Gerai ) Untuk :</p> <p>Fasa 1:</p> <p>A. 2 Blok 509 Unit Rumah Pangsa Kos Rendah (650kp / Unit) 12 Tingkat</p> <p>B. 1 Unit Surau 1-Tingkat (Surau 3)</p> <p>C. 1 Unit Stor MBSP</p> <p>D. Tapak Sekolah</p> <p>E. Tapak Masjid</p> <p>F. Tapak PPU Tnb</p> <p>Fasa 2:</p> <p>A. 252 Rumah Teres 2-Tingkat (Termasuk 3 Unit Kediaman Pelbagai Guna)</p> <p>i) 212 Unit Lot Tengah</p> <p>ii) 12 Unit Lot Tepi</p> <p>iii) 14 Unit Lot Hujung Jenis A1</p> <p>iv) 14 Unit Lot Hujung Jenis A2</p> <p>B. 1 Unit Surau 1-Tingkat (Surau 1)</p> <p>C. 1 Unit Pencawang Elektrik Tnb</p> <p>D. 1 Unit Pencawang Elektrik Padat Tnb</p> <p>E. 1 Unit Dewan Serbaguna 1-Tingkat</p> <p>F. 1 Unit Kolam Takungan Air (2) (Kering)</p> <p>Fasa 3:</p> <p>A. 236 Unit Rumah Berkembar Kluster 2-Tingkat (Termasuk 2 Unit Kediaman Pelbagai Guna)</p> <p>B. 2 Unit Rumah Sesebuah Kluster 2-Tingkat</p> <p>C. 2 Unit Pencawang Elektrik Tnb</p> <p>Fasa 4:</p> <p>A. 234 Unit Rumah Teres 2-Tingkat (Termasuk 2 Unit Kediaman Pelbagai Guna)</p> <p>B. 1 Unit Pencawang Elektrik Tnb</p> <p>C. 1 Unit Pencawang Elektrik Padat Tnb</p> <p>Fasa 5:</p> <p>A. 251 Unit Rumah Teres 2-Tingkat</p>	<p>OSC Lulus rayuan pada 8 Ogos 2024, OSC</p> <p>Tanggung rayuan pada 25 Julai 2024, OSC</p> <p>Tolak rayuan penyediaan pasar awam pada 10 Julai 2024, OSC</p> <p>Lulus pada 23 Mei 2024</p>	23/05/2024	Belum Dikemukakan	-

BIL	TAJUK	STATUS	TARIKH KELULUSAN PELAN BANGUNAN	TARIKH BORANG B (MULA KERJA)	TARIKH CCC
	<p>(Termasuk 4 Unit Kediaman Pelbagai Guna)  B. 2 Unit Pencawang Elektrik  TnbFasa 6:  A. 271 Unit Rumah Teres 2-Tingkat (Termasuk 2 Unit Kediaman Pelbagai Guna)  B. 1 Unit Surau 1-Tingkat (Surau 2)  C. 1 Unit Pencawang Elektrik Tnb  D. 1 Unit Kolam Takungan Air (1) (Kering)Fasa 7:  A. 189 Unit Rumah Teres 2-Tingkat (Termasuk 2 Unit Kediaman Pelbagai Guna)  B. 63 Unit Rumah Teres 2-Tingkat (Termasuk 1 Unit Kediaman Pelbagai Guna);  C. 2 Unit Pencawang Elektrik  TnbFasa 8:  A. 200 Unit Rumah Berkembar Kluster 2-Tingkat (Termasuk 2 Unit Kediaman Pelbagai Guna)  B. 1 Unit Pencawang Elektrik Tnb  C. 1 Unit Pencawang Elektrik Padat Tnb  D. 1 Unit Dewan 1-TingkatFasa 9:  A. 2 Unit Restoran Pandu Lalu 1-Tingkat  B. 1 Unit Pencawang Elektrik Padat TnbFasa 10:  A. 79 Unit Kedai Pejabat 2-Tingkat  B. 1 Unit Pencawang Elektrik Tnb  C. 2 Unit Pencawang Elektrik Padat TnbFasa 11:  A. 22 Unit Kedai Pejabat 2-Tingkat  B. 1 Unit Pencawang Elektrik Padat Tnb  1 Unit Pencawang Elektrik Padat Tnb (Kmh)  2 Unit Tapak Kuil India (Shrine 1 &amp; 2)</p>				

BIL	TAJUK	STATUS	TARIKH KELULUSAN PELAN BANGUNAN	TARIKH BORANG B (MULA KERJA)	TARIKH CCC
	<p>Sedia Ada 3 Unit Tapak Perkuburan India (Graveyard 1a, 1b &amp; 2) Sedia Ada 6 Plot Tapak Kemajuan Masa Hadapan (Kmh) Di Atas Lot 4358, Mukim 12, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. Untuk Tetuan Scientex Quatari Sdn. Bhd.</p> <p>(Serentak Dengan Permohonan Penyerahan Dan Pemberimilikan Semula Dan Permohonan Pelan Bangunan) (5.482863, 100.466389)</p>				
28.	<p>Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Menukar Kegunaan Sebuah Kediaman Rumah Berkembar 2 Tingkat Sedia Ada Kepada Pusat Jagaan Kanak-Kanak, Di Alamat No. 15, Lorong Sena Jaya 1, Taman Sena Jaya Di Atas Lot 20917, Mukim 12, Tasek Gelugor, Daerah Seberang Perai Utara. Untuk : Pusat Jagaan Kasih Abadi</p>	<p>OSC Lulus pada 24 Oktober 2024</p>	<p>24/10/2024</p>	<p>Belum dikemukakan</p>	<p>-</p>
29.	<p><b>SKIM RUMAH MAMPU MILIK</b> Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pembangunan Kediaman Yang Terdiri Daripada :</p> <p>Fasa 1: A. Kediaman Hakmilik Strata Yang Mengandungi: i) 270 Unit Rumah Bandar Mampu Milik (Teres) 2 Tingkat ii) 1 Unit Bangunan Kemudahan 1 Tingkat iii) 1 Unit Pondok Pengawal</p>	<p>OSC lulus pada 22 Januari 2025</p>	<p>22/01/2025</p>	<p>Belum dikemukakan</p>	<p>-</p>

BIL	TAJUK	STATUS	TARIKH KELULUSAN PELAN BANGUNAN	TARIKH BORANG B (MULA KERJA)	TARIKH CCC
	<p>B. 1 Unit Bangunan Surau  C. 1 Unit Bangunan Pasar Awam  D. 1 Unit Tapak Rumah Ibadat Bukan Islam  E. 1 Unit Bangunan Pejabat Jualan (Sementara)  F. 4 Unit Rumah Berkembar (Rumah Contoh Sementara)  G. 1 Unit Tapak Loji Rawatan Kumbahan  H. 1 Unit Tangki Air  I. 1 Unit Pencawang Pembahagian Utama Tnb  J. 2 Unit Pencawang Elektrik Tnb  K. 2 Unit 'Compact Substation' TnbFasa 2:  A. Kediaman Hakmilik Strata Yang Mengandungi:  i) 406 Unit Rumah Bandar Mampu Milik (Teres) 2 Tingkat  ii) 1 Unit Bangunan Kemudahan 1 Tingkat  iii) 1 Unit Pondok Pengawal  B. 1 Unit 'Compact Substation' Tnb Fasa 3:  A. Kediaman Hakmilik Strata Yang Mengandungi:  i) 424 Unit Rumah Bandar Mampu Milik (Kluster) 2 Tingkat  ii) 140 Unit Rumah Bandar Mampu Milik (Berkembar) 2 Tingkat  iii) 1 Unit Bangunan Kemudahan 1 Tingkat  iv) 1 Unit Pondok Pengawal  v) 1 Unit 'Compact Substation' TnbFasa 4:  i) 25 Unit Kedai Pejabat 2 Tingkat  ii) 4 Unit Rumah Berkembar (Rumah Contoh Sementara)  iii) 3 Unit Pelot Kemajuan Masa</p>				

BIL	TAJUK	STATUS	TARIKH KELULUSAN PELAN BANGUNAN	TARIKH BORANG B (MULA KERJA)	TARIKH CCC
	<p>Hadapan Di Atas Lot 1045, 1061, 1228, 1256, 1257, 1258, 1259, 1260, 2333 Dan Pelot A Tanah Kerajaan Mukim 13, Jalan Paya Tok Akil, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang Secara Serentak Dengan Permohonan Penyerahan Balik Dan Pemberimilikan Semula (Seksyen 204d, Kanun Tanah Negara). Untuk Tetuan : Dayang Gemilang Sdn. Bhd(Permohonan Ini Serentak Dengan Permohonan Penyerahan Balik Dan Pemberimilikan Semula (Seksyen 204d,KTN) + Pelan Bangunan + Pelan Kerja Tanah + Pelan Jalan &amp; Parit) (5.464696, 100.499503)</p>				
30.	<p>Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Sekim Perumahan Hak Milik Strata Yang Mengandungi:</p> <p>Fasa 1:  A) 148 Unit Rumah Bandaran 2 Tingkat  B) 1 Unit Dewan Orang Ramai Dan Pejabat Pengurusan  C) 1 Unit Surau  D) 1 Unit Pondok Pengawal  E) 1 Unit Pencawang Elektrik Tnb  F) 1 Unit Pusat Pengumpulan Sampah  G) 1 Tapak Menara Telekomunikasi  Fasa 2:  Kemajuan Masa Hadapan (Perniagaan)  Di Atas Lot 11202 Mukim 13 Daerah Seberang Utara Pulau Pinang.  Untuk: Tetuan Gdw Mengkuang Sdn. Bhd.(5.439731, 100.515310)</p>	<p>Lulus OSC Bil. 6/2025 pada 27 Mac 2025</p>	<p>Belum dikemukakan pelan</p>	-	-

BIL	TAJUK	STATUS	TARIKH KELULUSAN PELAN BANGUNAN	TARIKH BORANG B (MULA KERJA)	TARIKH CCC
31.	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pemajuan Skim Perumahan Di Atas Lot 14246, Mukim 12 Jalan Tok Bedu, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang Yang Terdiri Daripada : i) 26 Unit Rumah Berkembar 1 Tingkat ii) 2 Unit Rumah Sesebuah 1 Tingkat iii) Kmh (Kediaman) Untuk Tetuan : Publicity Development Sdn. Bhd.	Lulus OSC Bil.8/2025 pada 24 April 2025	Belum dikemukakan pelan	-	-

## LAMPIRAN B

BIL	NAMA PROJEK	PEMAJU	JENIS RMKu	BIL UNIT
<b>PROJEK SIAP DIBINA</b>				
1.	Taman Chempedak (Padang Chempedak)	Kerajaan Negeri	A	435
2.	Desa Ara	GDW Mengkuang Sdn. Bhd.	A	172
3.	Taman Perda Indah	Perda Ventures Incorporated Sdn. Bhd.	C	232
<b>JUMLAH UNIT SIAP DIBINA</b>				<b>839</b>
BIL	NAMA PROJEK	PEMAJU	JENIS RMKu	BIL UNIT
<b>PROJEK DALAM PEMBINAAN</b>				
1.	Belum dikemukakan	Perda Ventures Incorporated Sdn. Bhd.	A	104
2.	Belum dikemukakan	Perda Ventures Incorporated Sdn. Bhd.	C	312
3.	Taman Ara Damai	Perda Ventures Incorporated Sdn. Bhd.	A	468
<b>JUMLAH UNIT DALAM PEMBINAAN</b>				<b>884</b>
<b>DALAM PERANCANGAN</b>				
BIL	NAMA PROJEK	PEMAJU	JENIS RMKu	BIL UNIT
1.	Belum dikemukakan	Perda Ventures Incorporated Sdn. Bhd.	A	439
2.	Belum dikemukakan	Perda Ventures Incorporated Sdn. Bhd.	C	1,130
<b>JUMLAH UNIT DALAM PERANCANGAN</b>				<b>1,569</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>				<b>3,292</b>

**Jadual 1 : Senarai projek-projek perumahan mampu milik baharu yang telah dibangunkan dan akan dibangunkan di DUN Permatang Berangan sehingga 20 April 2025**

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(X)22**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

22. Kesesakan lalu lintas yang teruk di jalan raya terutamanya di persimpangan masuk Sekolah Kebangsaan Pokok Sena pada masa sebelum dan selepas waktu persekolahan. Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh pihak kerajaan?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Langkah-langkah yang telah dan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri melalui pihak PDRM, MBSP dan JKR bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas di persimpangan masuk Sekolah Kebangsaan Pokok Sena adalah seperti berikut:
- (i) PDRM telah membuat pemantauan berkala semasa waktu persekolahan dan sekiranya berlaku kesesakan teruk tindakan pantas akan diambil dengan membuat kawalan lalulintas di kawasan tersebut;
  - (ii) MBSP telah melebarkan Jalan Gelugor kepada empat (4) lorong dari Jalan Desa Sena hingga persimpangan Jalan Pokok Sena;
  - (iii) MBSP telah memasang lampu isyarat di persimpangan Jalan Gelugor dengan Jalan Desa Sena;
  - (iv) MBSP akan melebarkan Jalan Gelugor kepada enam (6) lorong dari jambatan Sungai Kreh hingga persimpangan Jalan Pokok Sena. Cadangan ini telah disyaratkan di dalam PKM Tetuan Setia Fontaines Sdn. Bhd. dan pemaju perlu siapkan pelebaran jalan sebelum Sijil Layak Menduduki (CCC) dikeluarkan;

- (v) MBSP akan melebarkan Jalan Pokok Sena bermula dari persimpangan Jalan Permatang Indah hingga persimpangan Jalan Pokok Sena. Cadangan ini telah disyaratkan di dalam PKM Tetuan Scientex Sdn. Bhd. dan pemaju perlu siapkan pelebaran jalan sebelum Sijil Layak Menduduki (CCC) dikeluarkan;
- (vi) MBSP akan melebarkan Jalan Pongsu Seribu bermula dari persimpangan Jalan Gelugor hingga Jalan Kampung Baru Pokok Sena. Cadangan ini telah disyaratkan di dalam PKM Tetuan Perda Ventures Incorporated Sdn. Bhd. dan pemaju perlu siapkan pelebaran jalan sebelum Sijil Layak Menduduki (CCC) dikeluarkan; dan
- (vii) JKR akan mempertimbangkan penggunaan kawasan tanah lapang di hadapan Sekolah Kebangsaan Pokok Sena sebagai lokasi menunggu oleh para ibu bapa supaya dapat membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(X)23**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

23. Apakah tindakan MBSP terhadap 61 kawasan di seluruh Seberang Perai yang menjalankan aktiviti menambun tanah tanpa kebenaran atas tanah sawah sejak tahun 2024?
- (a) Senaraikan lokasi kawasan dan keluasan tanah tersebut.
  - (b) Apakah tindakan pihak berkuasa untuk memastikan tidak ada aktiviti menambun tanah tanpa kebenaran ini?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Berdasarkan semakan terkini pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), terdapat sebanyak 87 aktiviti menambun tanah tanpa kebenaran telah direkodkan sejak tahun 2024 di seluruh kawasan MBSP, manakala kes tambunan tanah di atas tanah sawah hanya melibatkan 37 kes sahaja.

Pihak MBSP telah mengambil tindakan seperti mengeluarkan notis, melaksanakan rampasan jentera, menutup laluan ke lokasi tambunan tanah dan kompaun mengikut peruntukan undang-undang semasa yang berkuat kuasa bagi membendung aktiviti haram ini.

- (a) Perincian berhubung senarai lokasi kawasan, keluasan tanah dan tindakan ke atas kes-kes yang melibatkan tambunan di atas tanah sawah tanpa kebenaran adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

- (b) Berikut merupakan tindakan yang diambil oleh pihak MBSP untuk memerangi aktiviti menambun tanah tanpa kebenaran di seluruh kawasan MBSP:
- (i) Mengeluarkan notis kerja tanah tanpa kelulusan di bawah Seksyen 70A Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [AKTA 133];
  - (ii) Menjalankan pemantauan secara berkala di kawasan *hotspot* yang berpotensi terjadinya pemajuan tanah lot tanpa kebenaran;
  - (iii) Menjalankan operasi untuk menutup laluan masuk ke tapak kerja tanah tanpa kebenaran;
  - (iv) Meningkatkan operasi rampasan jentera dan lori yang terlibat dalam menjalankan pemajuan tanah lot tanpa kebenaran;
  - (v) Pengeluaran kompaun kerja tanah tanpa kebenaran di bawah peruntukan Undang-undang Kecil Mengkompaun (Kesalahan-kesalahan Majlis Bandaraya Seberang Perai) Jalan Parit dan Bangunan 2020;
  - (vi) Tindakan pendakwaan di mahkamah bagi kesalahan menjalankan pemajuan yang melibatkan kerja tanah tanpa kebenaran mengikut Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] yang mana denda dan hukuman lebih berat; dan
  - (vii) Menjalankan operasi bersepadu dengan agensi-agensi kerajaan berkaitan.

**PERINCIAN KES-KES TAMBUNAN TANAH DI ATAS TANAH SAWAH DI  
DAERAH SEBERANG PERAI UTARA**

BIL	NO LOT	TARIKH NOTIS DIKELUARKAN	TINDAKAN PERTAMA	TINDAKAN KEDUA	TINDAKAN KETIGA	STATUS ZONING	KELUASAN TANAH
1	7939 (LOT LAMA 1148), MK 11, SPU	21/01/2024				JELAPANG PADI	4193.761
2	20457, MK 11, SPU	02/02/2024				JELAPANG PADI	6621.317000
3	4536 (LOT LAMA 2706), MK 8, SPU	15/04/2024	SEBUAH LORI TELAH DIRAMPAS PADA 20/4/2024	SEBUAH LORI TELAH DIRAMPAS PADA 6/5/2024		JELAPANG PADI	4648.229
4	6622, MK 11, SPU	06/05/2024				JELAPANG PADI	5056.346000
5	2293, MK 8, SPU	26/06/2024	SEBUAH LORI TELAH DIRAMPAS PADA 2/7/2024			JELAPANG PADI	4604.453
6	3060, MK 4, SPU	16/10/2024	OPERASI KOREK LALUAN TELAH DIJALANKAN PADA 18/10/2024	OPERASI KOREK LALUAN TELAH DIJALANKAN PADA 11/11/2024		JELAPANG PADI	5097.842
7	1328, MK 1, SPU	07/11/2024	OPERASI KOREK LALUAN TELAH DIJALANKAN PADA 25/11/2024	OPERASI KOREK LALUAN TELAH DIJALANKAN PADA 9/12/2024		JELAPANG PADI	4604.453
8	2687, MK 5, SPU	20/11/2024	OPERASI KOREK LALUAN TELAH DIJALANKAN PADA 28/1/2025	OPERASI KOREK LALUAN TELAH DIJALANKAN PADA 27/4/2025		JELAPANG PADI	15207.684

BIL	NO LOT	TARIKH NOTIS DIKELUARKAN	TINDAKAN PERTAMA	TINDAKAN KEDUA	TINDAKAN KETIGA	STATUS ZONING	KELUASAN TANAH
9	4426, MK 2, SPU	06/01/2025	SEBUAH LORI TELAH DIRAMPAS PADA 20/1/2025			JELAPANG PADI	11853.498
10	10049, MK 2, SPU	22/01/2025				JELAPANG PADI	917.611
11	1889, MK 3, SPU	23/01/2025				JELAPANG PADI	3317.992
12	2292, MK 8, SPU	26/06/2024	SEBUAH LORI TELAH DIRAMPAS PADA 2/7/2024	OPERASI KOREK LALUAN TELAH DIJALANKAN PADA 29/8/2024	SEBUAH LORI TELAH DIRAMPAS PADA 6/9/2024	JELAPANG PADI	9655.556
13	4777, MK 2, SPU	12/02/2024	OPERASI KOREK LALUAN TELAH DIJALANKAN PADA 24/12/2024			JELAPANG PADI	8099.356
14	3940, MK 3, SPU	14/11/2024	OPERASI KOREK LALUAN TELAH DIJALANKAN PADA 18/11/2024			JELAPANG PADI	10212.298
15	5591, MK 5, SPU	03/03/2025	SEBUAH LORI TELAH DIRAMPAS PADA 6/3/2025	OPERASI KOREK LALUAN TELAH DIJALANKAN PADA 8/3/2025 & 27/4/2025	SEBUAH BACKHOE TELAH DIRAMPAS PADA 28/4/2025	JELAPANG PADI	13822.264
16	1642, MK 2, SPU	17/02/2025				JELAPANG PADI	8328.884
17	5002, MK 4, SPU	07/02/2025	SEBUAH BACKHOE TELAH DIRAMPAS PADA 12/2/2025	OPERASI KOREK LALUAN TELAH DIJALANKAN PADA 8/3/2024		JELAPANG PADI	8025.659

BIL	NO LOT	TARIKH NOTIS DIKELUARKAN	TINDAKAN PERTAMA	TINDAKAN KEDUA	TINDAKAN KETIGA	STATUS ZONING	KELUASAN TANAH
18	1423, MK 13, SPU	24/03/2025	SEBUAH LORI TELAH DIRAMPAS PADA 27/3/2025	SEBUAH LORI TELAH DIRAMPAS PADA 7/4/2025		JELAPANG PADI	20967.917
19	3746, MK 12, SPU	18/11/2023	SEBUAH LORI TELAH DIRAMPAS PADA 13/1/2024	SEBUAH BACKHOE TELAH DIRAMPAS PADA 16/3/2024		JELAPANG PADI	11765.210
20	4817, MK 5, SPU	09/04/2025				JELAPANG PADI	7821.751
21	722, MK 9, SPU	10/04/2025				JELAPANG PADI	2378.000
22	4677, MK 3, SPU	10/04/2025				JELAPANG PADI	4724.969
23	4359, MK 5, SPU	27/04/2025				JELAPANG PADI	Lot ini merupakan lot baru dan perlu dibuat semakan dengan Pejabat Tanah untuk maklumat keluasannya.

**PERINCIAN KES-KES TAMBUNAN TANAH DI ATAS TANAH SAWAH DI  
DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH**

BIL	NO LOT	TARIKH NOTIS DIKELUARKAN	TINDAKAN PERTAMA	TINDAKAN KEDUA	TINDAKAN KETIGA	STATUS ZONING	KELUASAN TANAH
1	38 & 10136. MK 2, SPT	08/04/2024				JELAPANG PADI	4640.415
2	461, MK 2, SPT	14/04/2024				JELAPANG PADI	6724.803
3	10455,10456,10457, 10458, 10459, 10460 & 10461, MK 4, SPT	23/04/2024				JELAPANG PADI	346.617, 294.377, 294.356, 325.194, 322.382, 289.227, 594.372
4	1354, MK 5, SPT	08/04/2024	OPERASI KOREK LALUAN TELAH DIJALANKAN PADA 8/1/2025			JELAPANG PADI	594.372
5	20214, MK 5, SPT	20/01/2025				JELAPANG PADI	1584.511
6	1448, MK 5, SPT	20/01/2025				JELAPANG PADI	7888.673
7	1523, MK 2, SPT	27/03/2024	SEBUAH LORI TELAH DIRAMPAS PADA 2/4/2024	OPERASI KOREK LALUAN TELAH DIJALANKAN PADA 7/5/2024	SEBUAH BACKHOE TELAH DIRAMPAS PADA 20/7/2024	JELAPANG PADI	7431.942
8	1820, MK 4, SPT	09/10/2024	SEBUAH BACKHOE TELAH DIRAMPAS PADA 5/12/2024	SEBUAH BACKHOE TELAH DIRAMPAS PADA 12/2/2024		JELAPANG PADI	12135.388
9	1393, MK 21, SPT	12/03/2024				JELAPANG PADI	4053.6
10	1396, MK 5, SPT	05/02/2025				JELAPANG PADI	6214.474
11	1398, MK5, SPT	05/02/2025				JELAPANG PADI	16659.495

BIL	NO LOT	TARIKH NOTIS DIKELUARKAN	TINDAKAN PERTAMA	TINDAKAN KEDUA	TINDAKAN KETIGA	STATUS ZONING	KELUASAN TANAH
12	1354, MK 5, SPT	30/08/2024	OPERASI KOREK LALUAN TELAH DIJALANKAN PADA 8/1/2025			JELAPANG PADI	2328.827
13	1343, MK 5, SPT	08/01/2025	SEBUAH LORI TELAH DIRAMPAS PADA 6/3/2025			JELAPANG PADI	3522.737
14	1488, MK 2, SPT	07/08/2023	SEBUAH BACKHOE TELAH DIRAMPAS PADA 9/7/2023			JELAPANG PADI	2869.169

**Nota:**

Untuk kawasan Seberang Perai Selatan, tiada kes tambunan tanah di atas tanah sawah dilaporkan

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(X)24**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

24. Apakah usaha kerajaan dalam membantu ibu bapa yang terbeban dengan kos bayaran buku teks KAFA bagi seorang anak sebanyak RM80.00?
- (a) Berapakah jumlah Sekolah KAFA Menengah di setiap daerah?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Dalam membantu ibu bapa yang terbeban dengan kos bayaran buku teks KAFA, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) sedang menghalusi dan mempertimbangkan cadangan untuk menyediakan buku teks KAFA bersama dengan agensi-agensinya yang berkaitan seperti ZAKAT Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) sebagai usaha membantu ibu bapa yang terbeban dengan kos tersebut terutamanya dalam kalangan asnaf.
- (a) Sehingga tahun 2025, terdapat 13 buah KAFA Menengah di seluruh Negeri Pulau Pinang. Perinciannya seperti di jadual dibawah:

Bilangan Sekolah KAFA Mengikut Daerah di Negeri Pulau Pinang.

<b>DAERAH</b>	<b>BILANGAN SEKOLAH KAFA MENENGAH</b>
Seberang Perai Utara	3
Seberang Perai Tengah	3
Seberang Perai Selatan	2
Barat Daya	2
Timur Laut	3
<b>JUMLAH</b>	<b>13</b>

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(X)25**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

25. Berapakah jumlah hentian bas pintar di Negeri Pulau Pinang mengikut DUN?

(a) Apakah masalah dan cabaran yang dihadapi?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Terdapat sebanyak 39 buah hentian bas pintar di Negeri Pulau Pinang. Senarai lokasi mengikut DUN adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

(a) Masalah dan cabaran yang dihadapi dalam penyediaan pondok perhentian bas pintar adalah seperti berikut:

i. **Kegiatan vandalisme** terhadap peralatan yang dipasang pada pondok tersebut. Vandalisme ini bukan sahaja merosakkan peralatan, tetapi juga menjejaskan fungsinya, sekaligus memberi kesan buruk kepada pengguna serta pelaksanaan inisiatif ini.

1) **Kerosakan pada Pod Mengecas USB:** Peralatan pengecas USB yang disediakan untuk kemudahan pengguna sering kali rosak akibat perbuatan vandalisme.

Pod pengecas USB ini adalah salah satu kemudahan utama yang ditawarkan untuk memudahkan pengguna yang memerlukan pengecasan telefon mudah alih ketika menunggu bas. Kerosakan ini menyebabkan pengguna kehilangan akses kepada kemudahan tersebut.

- 2) **Pemotongan Kabel Kamera Litar Tertutup (CCTV)**  
: Sistem kamera CCTV yang dipasang di pondok perhentian bas pintar bertujuan untuk meningkatkan keselamatan pengguna dengan memantau persekitaran.  
Namun, terdapat kejadian kabel CCTV dipotong dan menghalang sistem pemantauan berfungsi dengan baik. Ini bukan sahaja mengurangkan tahap keselamatan, tetapi juga menyukarkan pihak berkuasa untuk menangani masalah jenayah atau insiden yang mungkin berlaku di sekitar kawasan tersebut.
- ii. **Kos penyenggaraan yang tinggi** merupakan cabaran utama yang dihadapi. Ini akan membebankan pihak berkuasa tempatan serta syarikat pemaju yang terlibat dalam projek ini.
- iii. **Kesukaran pemantauan dan kawalan** kerana peralatan seperti CCTV telah dirosakkan akibat vandalisme. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menghadapi kesulitan dalam memantau keadaan sekeliling secara berkesan. Ini menyukarkan usaha-usaha pencegahan jenayah dan meningkatkan risiko masalah keselamatan.
- iv. **Syarikat yang menguruskan hentian bas pintar memutuskan untuk menghentikan operasi fasiliti pintar di** perhentian bas di KADUN N10 Seberang Jaya bermula pada pertengahan tahun 2022 sehingga kini.

**Maklumat Tambahan:**

Untuk mengatasi cabaran-cabaran ini, pihak berkuasa tempatan dan pemaju projek perlu bekerjasama dalam merancang langkah-langkah keselamatan yang lebih kukuh seperti memperkenalkan bahan atau teknologi yang lebih tahan lasak, meningkatkan pengawasan melalui sistem CCTV tambahan atau melibatkan komuniti setempat untuk menjaga kemudahan ini secara bersama.

**SENARAI HENTIAN BAS PINTAR**

<b>BIL</b>	<b>KADUN</b>	<b>LOKASI</b>	<b>PEMBINA</b>	<b>CIRI-CIRI PINTAR</b>
1.	N35 Batu Uban	Bertentangan Universiti Sains Malaysia (USM), Jalan Sungai Dua	Syarikat Edotco Malaysia Sdn Bhd & Rapid Bus Sdn Bhd	Internet WIFI, CCTV, Butang Panik (Panic Button), Pod Mengecas USB (USB Charging Pod), Passenger Information System (PIS) dan Skrin Digital
2.	N25 Pulau Tikus	Hadapan pasar Jalan Anson	Parisign Media Sdn Bhd	Pod Mengecas USB (USB Charging Pod)
3.	N28 Komtar	Berhampiran Stadium Bandaraya, Jalan Dato' Keramat	Parisign Media Sdn Bhd	Pod Mengecas USB (USB Charging Pod)
4.	N27 Pengkalan Kota	Hadapan Flat Macallum, Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu	Parisign Media Sdn Bhd	Pod Mengecas USB (USB Charging Pod)
5.	N25 Pulau Tikus	Hadapan Thai Buddist Temple, Jalan Kelawei	Parisign Media Sdn Bhd	Pod Mengecas USB (USB Charging Pod)
6.	N25 Pulau Tikus	Berhampiran Starbuck Coffee, Jalan Tanjong Tokong	Parisign Media Sdn Bhd	Pod Mengecas USB (USB Charging Pod)
7.	N28 Komtar	Bertentangan Catholic Information Service, Jalan Penang	Parisign Media Sdn Bhd	Pod Mengecas USB (USB Charging Pod)
8.	N36 Pantai Jerejak	Hadapan Queensbay, Persiaran Bayan Indah	Rapid Bus Sdn Bhd	Passenger Information System (PIS)
9.	N25 Pulau Tikus	Gurney Plaza, Jalan Kelawei	Rapid Bus Sdn Bhd	Passenger Information System (PIS)

<b>BIL</b>	<b>KADUN</b>	<b>LOKASI</b>	<b>PEMBINA</b>	<b>CIRI-CIRI PINTAR</b>
10.	N36 Pantai Jerejak	Hadapan Petronas Bayan Baru, Jalan Sultan Azlan Shah	Rapid Bus Sdn Bhd	Passenger Information System (PIS)
11.	N22 Tanjong Bungah	Hadapan Golden Sand, Jalan Batu Feringghi	Rapid Bus Sdn Bhd	Passenger Information System (PIS)
12.	N40 Teluk Bahang	Taman Negara Teluk Bahang	Rapid Bus Sdn Bhd	Passenger Information System (PIS)
13.	N22 Tanjong Bungah	Hadapan Tesco Tanjong Bungah	Rapid Bus Sdn Bhd	Passenger Information System (PIS)
14.	N33 Ayer Itam	Hub Air Itam, Jalan Air Itam	Rapid Bus Sdn Bhd	Passenger Information System (PIS)
15.	N33 Ayer Itam	Penang Hill, Jalan Bukit Bendera	Rapid Bus Sdn Bhd	Passenger Information System (PIS)
16.	N32 Seri Delima	Hadapan Restoran Minah, Jalan Sultan Azlan Shah	Rapid Bus Sdn Bhd	Passenger Information System (PIS)
17.	N36 Pantai Jerejak	Bukit Jambul, Jalan Tun Dr Awang	Rapid Bus Sdn Bhd	Passenger Information System (PIS)
18.	N37 Batu Maung	Hadapan Sunshine, Jalan Mayang Pasir	Rapid Bus Sdn Bhd	Passenger Information System (PIS)
19.	N37 Batu Maung	Hadapan Sunshine, Jalan Mahsuri	Rapid Bus Sdn Bhd	Passenger Information System (PIS)
20.	N27 Pengkalan Kota	Hadapan Bank Negara, Lebu Light	Rapid Bus Sdn Bhd	Passenger Information System (PIS)
21.	N27 Pengkalan Kota	Bertentangan Bank Negara, Lebu Light	Rapid Bus Sdn Bhd	Passenger Information System (PIS)
22.	N39 Pulau Betong	Hub Genting, Balik Pulau	Rapid Bus Sdn Bhd	Passenger Information System (PIS)
23.	N25 Pulau Tikus	Bellisa Row, Jalan Burma	Rapid Bus Sdn Bhd	Passenger Information System (PIS)

<b>BIL</b>	<b>KADUN</b>	<b>LOKASI</b>	<b>PEMBINA</b>	<b>CIRI-CIRI PINTAR</b>
24.	N28 Komtar	Pasar Chowrasta, Jalan Penang	Rapid Bus Sdn Bhd	Passenger Information System (PIS)
25.	N27 Pengkalan Kota	Hadapan Cosway, Gat Lebu Macallum	Rapid Bus Sdn Bhd	Passenger Information System (PIS)
26.	N28 Komtar	Hadapan Stesen Minyak Petron, Jalan Dato' Keramat	Rapid Bus Sdn Bhd	Passenger Information System (PIS)
27.	N28 Komtar	SMK (L) Methodist, Jalan Dato' Keramat	Rapid Bus Sdn Bhd	Passenger Information System (PIS)
28.	N23 Air Putih	Flat Padang Tembak, Jalan Sempadan	Rapid Bus Sdn Bhd	Passenger Information System (PIS)
29.	N33 Ayer Itam	Flat Kampung Melayu, Jalan Ayer Itam	Rapid Bus Sdn Bhd	Passenger Information System (PIS)
30.	N30 Sungai Pinang	Berhampiran Veterinar, Jalan Sungai	Rapid Bus Sdn Bhd	Passenger Information System (PIS)
31.	N31 Batu Lanchang	Hadapan Old Town, Jalan Perak	Rapid Bus Sdn Bhd	Passenger Information System (PIS)
32.	N31 Batu Lanchang	Pasar Batu Lanchang, Jalan Batu Lanchang	Rapid Bus Sdn Bhd	Passenger Information System (PIS)
33.	N35 Batu Uban	Berhampiran USM, Jalan Bukit Gambir	Rapid Bus Sdn Bhd	Passenger Information System (PIS)
34.	N33 Ayer Itam	Berhampiran Billion Supermarket, Lebuhraya Thean Teik	Rapid Bus Sdn Bhd	Passenger Information System (PIS)
35.	N34 Paya Terubong	Apartment Tingkat Paya Terubong 4	Rapid Bus Sdn Bhd	Passenger Information System (PIS)
36.	N34 Paya Terubong	Taman Sri Relau, Jalan Paya Terubong	Rapid Bus Sdn Bhd	Passenger Information System (PIS)
37.	N37 Batu Maung	SMK Sungai Ara, Jalan Dato' Ismail Hashim	Rapid Bus Sdn Bhd	Passenger Information System (PIS)

<b>BIL</b>	<b>KADUN</b>	<b>LOKASI</b>	<b>PEMBINA</b>	<b>CIRI-CIRI PINTAR</b>
38.	N37 Batu Maung	Flat Desa Wang, Jalan Permatang Damar Laut	Rapid Bus Sdn Bhd	Passenger Information System (PIS)
39.	N10 Seberang Jaya	Lengkok Tenggara	Syarikat Edotco (M) Sdn Bhd	<i>smart cells, WIFI, charging pod dan digital advertising panel.</i>

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(X)26**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

26. Apakah tindakan kerajaan untuk pembinaan tebatan banjir di Kampung Labuh Banting?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang (JPSP) mengambil maklum akan masalah banjir di Kampung Labuh Banting yang berada di dalam lembangan Sungai Perai. Berkaitan itu, JPSP telah memohon peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13) bagi pelaksanaan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Perai (Fasa 2).

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(X)27**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

27. Senaraikan projek-projek tebatan banjir yang akan dilaksanakan di Parlimen Tasek Gelugor.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang (JPSPP) melalui Kerajaan Negeri telah memohon pelaksanaan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Perai (Fasa 2) di dalam *Rolling Plan* Pertama Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RP1 RMK-13) yang melibatkan sebahagian sungai-sungai yang melalui Parlimen Tasek Gelugor. Secara keseluruhannya, pelaksanaan projek ini akan melibatkan Sungai Perai, Sungai Kulim, Sungai Jarak, Sungai Kereh, Sungai Orang Putih, Sungai Air Itam Dalam, Sungai Perai Mati dan Sungai Lokan. Projek ini adalah sebagai langkah perancangan jangka panjang mitigasi banjir di kawasan terlibat.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(X)28**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

28. Berapakah jumlah keseluruhan kes penderaan yang dilaporkan di Pulau Pinang dari tahun 2020 sehingga kini, mengikut kategori mangsa?
- (a) Apakah punca berlakunya penderaan ini?
  - (b) Apakah bentuk kerjasama antara Kerajaan Negeri dengan agensi Persekutuan dan NGO dalam menangani isu penderaan?

**YB LIM SIEW KHIM  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. Berdasarkan rekod rasmi daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 250 kes penderaan terhadap kanak-kanak telah dilaporkan di Pulau Pinang bagi tempoh tahun 2020 hingga 2025.

Perincian kes ini dikategorikan mengikut jantina, bangsa dan peringkat umur seperti yang dinyatakan dalam **LAMPIRAN A**.

- (a) Beberapa punca utama yang dikenal pasti menyumbang kepada kes penderaan kanak-kanak termasuk:
  - (i) Tekanan dan bebanan hidup keluarga, khususnya disebabkan faktor ekonomi yang memberi kesan kepada emosi ibu bapa atau penjaga;
  - (ii) Kurangnya komunikasi dua hala antara ibu bapa dan anak-anak yang sering kali berpunca daripada ketagihan penggunaan gajet dan persekitaran yang kurang interaksi; dan

- (iii) Sikap tidak peduli atau keletihan emosi ibu bapa turut menyumbang kepada reaksi keterlaluan terhadap kesalahan kecil anak-anak sekali gus mencetuskan tingkah laku penderaan.
- (b) Antara inisiatif utama yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menangani isu penderaan melalui kerjasama strategik bersama agensi Persekutuan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) adalah :
  - (i) Dasar Keluarga Selamat yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) sejak tahun 2020, selaras dengan Visi Penang2030;
  - (ii) Penubuhan *First Support Point* sebagai saluran bantuan awal kepada mangsa keganasan rumah tangga, melibatkan kerjasama antara agensi kerajaan, NGO, persatuan agama dan Pusat Khidmat ADUN.

Sehingga kini, seramai 536 individu telah dilatih sebagai sukarelawan *First Support Point*.

Pada tahun 2024, seramai 69 pegawai dan anggota PDRM telah menerima latihan khusus berkenaan pengendalian kes keganasan rumah tangga selaras dengan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994;

- (iii) Pembangunan aplikasi mudah alih *Penang Stop Violence* oleh PWDC dan Pusat Geospatial Pulau Pinang (PEGIS), yang membolehkan pengguna mengakses maklumat dan lokasi bantuan terdekat. Aplikasi ini memenangi *Geospatial World Excellence Award* di Amsterdam pada tahun 2022; dan
- (iv) Kempen tahunan *Penang Goes Orange* yang dilaksanakan dari 25 November hingga 10 Disember, bertujuan meningkatkan kesedaran dan memperkasa masyarakat dalam membanteras keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak.

Pendekatan *whole-of-society* yang menggabungkan usaha kerajaan, agensi Persekutuan, NGO, pihak swasta dan orang awam adalah amat penting dalam membentuk sebuah masyarakat yang selamat, prihatin dan bebas daripada penderaan.

## STATISTIK KES PENDERAAN BAGI TAHUN 2020 DI NEGERI PULAU PINANG

DAERAH	JUMLAH KES	JANTINA		BANGSA					UMUR			
		LELAKI	PEREMPUAN	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	WARGA NEGARA ASING	0-9	10-12	13-15	16-18
TIMUR LAUT	9	3	6	3	2	4	-	-	6	3	-	-
BARAT DAYA	2	1	1	2	-	-	-	-	2	-	-	-
SEBERANG PERAI UTARA	5	2	3	3	-	2	-	-	5	-	-	-
SEBERANG PERAI TENGAH	10	5	5	5	-	5	-	-	8	2	-	-
SEBERANG PERAI SELATAN	7	5	2	5	-	2	-	-	5	2	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>33</b>	<b>16</b>	<b>17</b>	<b>18</b>	<b>2</b>	<b>13</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>26</b>	<b>7</b>	<b>0</b>	<b>0</b>

Sumber : Polis Diraja Malaysia

## STATISTIK KES PENDERAAN BAGI TAHUN 2021 DI NEGERI PULAU PINANG

DAERAH	JUMLAH KES	JANTINA		BANGSA					UMUR			
		LELAKI	PEREMPUAN	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	WARGA NEGARA ASING	0-9	10-12	13-15	16-18
TIMUR LAUT	13	10	3	5	6	2	-	-	10	1	-	2
BARAT DAYA	7	3	4	5	1	1	-	-	6	-	1	-
SEBERANG PERAI UTARA	5	4	1	4	-	1	-	-	4	1	-	-
SEBERANG PERAI TENGAH	8	3	5	5	2	-	-	1	7	1	-	-
SEBERANG PERAI SELATAN	3	2	1	2	-	1	-	-	3	-	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>36</b>	<b>22</b>	<b>14</b>	<b>21</b>	<b>9</b>	<b>5</b>	<b>0</b>	<b>1</b>	<b>30</b>	<b>3</b>	<b>1</b>	<b>2</b>

*Sumber : Polis Diraja Malaysia*

## STATISTIK KES PENDERAAN BAGI TAHUN 2022 DI NEGERI PULAU PINANG

DAERAH	JUMLAH KES	JANTINA		BANGSA					UMUR			
		LELAKI	PEREMPUAN	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	WARGA NEGARA ASING	0-9	10-12	13-15	16-18
TIMUR LAUT	19	12	7	5	9	3	1	1	14	4	1	-
BARAT DAYA	6	4	2	4	1	1	-	-	4	1	1	-
SEBERANG PERAI UTARA	7	5	2	5	-	1	1	-	6	1	-	-
SEBERANG PERAI TENGAH	6	6	-	4	1	1	-	-	6	-	-	-
SEBERANG PERAI SELATAN	3	-	3	2	-	-	-	1	1	-	2	-
<b>JUMLAH</b>	<b>41</b>	<b>27</b>	<b>14</b>	<b>20</b>	<b>11</b>	<b>6</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>31</b>	<b>6</b>	<b>4</b>	<b>0</b>

*Sumber : Polis Diraja Malaysia*

## STATISTIK KES PENDERAAN BAGI TAHUN 2023 DI NEGERI PULAU PINANG

DAERAH	JUMLAH KES	JANTINA		BANGSA					UMUR			
		LELAKI	PEREMPUAN	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	WARGA NEGARA ASING	0-9	10-12	13-15	16-18
TIMUR LAUT	23	13	10	13	5	4	1	-	18	3	2	-
BARAT DAYA	9	7	2	7	2	-	-	-	9	-	-	-
SEBERANG PERAI UTARA	10	6	4	9	1	-	-	-	8	2	-	-
SEBERANG PERAI TENGAH	10	5	5	6	2	1	1	-	4	4	2	-
SEBERANG PERAI SELATAN	4	2	2	2	-	2	-	-	3	-	1	-
<b>JUMLAH</b>	<b>56</b>	<b>33</b>	<b>23</b>	<b>37</b>	<b>10</b>	<b>7</b>	<b>2</b>	<b>0</b>	<b>42</b>	<b>9</b>	<b>5</b>	<b>0</b>

*Sumber : Polis Diraja Malaysia*

## STATISTIK KES PENDERAAN BAGI TAHUN 2024 DI NEGERI PULAU PINANG

DAERAH	JUMLAH KES	JANTINA		BANGSA					UMUR			
		LELAKI	PEREMPUAN	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	WARGA NEGARA ASING	0-9	10-12	13-15	16-18
TIMUR LAUT	22	12	10	10	6	5	1	-	17	5	-	-
BARAT DAYA	17	10	7	8	6	2	1	-	12	5	-	-
SEBERANG PERAI UTARA	19	10	9	11	5	2	1	-	13	6	-	-
SEBERANG PERAI TENGAH	8	5	3	4	2	2	-	-	5	2	1	-
SEBERANG PERAI SELATAN	11	8	3	7	1	3	-	-	8	2	-	1
<b>JUMLAH</b>	<b>77</b>	<b>45</b>	<b>32</b>	<b>40</b>	<b>20</b>	<b>14</b>	<b>3</b>	<b>0</b>	<b>55</b>	<b>20</b>	<b>1</b>	<b>1</b>

*Sumber : Polis Diraja Malaysia*

**STATISTIK KES PENDERAAN BAGI TAHUN 2025 DI NEGERI PULAU PINANG  
(JANUARI HINGGA MAC 2025)**

DAERAH	JUMLAH KES	JANTINA		BANGSA					UMUR			
		LELAKI	PEREMPUAN	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	WARGA NEGARA ASING	0-9	10-12	13-15	16-18
TIMUR LAUT	1	-	1	1	-	-	-	-	1	-	-	-
BARAT DAYA	1	1	-	1	-	-	-	-	-	-	1	-
SEBERANG PERAI UTARA	0	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
SEBERANG PERAI TENGAH	2	1	1	1	1	-	-	-	1	-	1	-
SEBERANG PERAI SELATAN	3	-	3	1	-	1	-	1	3	-	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>7</b>	<b>2</b>	<b>5</b>	<b>4</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>0</b>	<b>1</b>	<b>5</b>	<b>0</b>	<b>2</b>	<b>0</b>

*Sumber : Polis Diraja Malaysia*

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(X)29**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

29. Berapakah jumlah kes kemurungan yang direkodkan di Pulau Pinang sejak tahun 2020 sehingga kini?
- (a) Apakah faktor utama yang dikenal pasti menyebabkan ramai penghidap kemurungan enggan mendapatkan khidmat kaunseling?
- (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk mengubah stigma terhadap rawatan kesihatan mental di peringkat komuniti?

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

29. Jumlah kes kemurungan yang dirujuk ke perkhidmatan kaunseling dari tahun 2020 sehingga Mac 2025 adalah sebanyak 6,120 kes.

Berikut adalah pecahan kes kemurungan yang dirujuk ke perkhidmatan kaunseling:

Bil.	Tahun	Jumlah Kes
1.	2020	461
2.	2021	982
3.	2022	1,142
4.	2023	1,461
5.	2024	1,817
6.	Januari sehingga Mac 2025	257

- (a) Antara faktor utama penghidap kemurungan enggan mendapatkan khidmat kaunseling adalah seperti berikut:
- (i) Sukar mendapat cuti atau pelepasan (*time off*) bagi golongan yang bekerja;
  - (ii) Bimbang akan persepsi negatif seperti dilabel "gila", tidak stabil, atau tidak layak bekerja. Ketakutan terhadap penilaian sosial ini menjadi salah satu penghalang untuk tampil mendapatkan bantuan; dan
  - (iii) Waris/ahli keluarga mempunyai anggapan bahawa simptom atau tanda kemurungan sebagai masalah bukan serius.
- (b) Kerajaan Negeri melalui YB MMK Kesihatan sentiasa menggalakkan penyertaan badan bukan kerajaan (NGO) dan badan korporat untuk memperluaskan jangkauan dalam meningkatkan kesedaran umum serta 'mematahkan' stigma masyarakat tentang kesihatan mental.

Antara beberapa inisiatif yang diambil bagi mengurangkan stigma terhadap rawatan kesihatan mental di peringkat komuniti adalah melalui promosi kesihatan mental yang meliputi kem-kem kesihatan, pameran, ceramah, dialog dan forum diperingkat komuniti.

Jawatankuasa Kesihatan Mental Negeri Pulau Pinang telah ditubuhkan pada 14 November 2023 bagi meningkatkan usaha dan kerjasama di antara agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) bagi menangani isu kesihatan mental di Negeri Pulau Pinang. Jawatankuasa ini juga meningkatkan usaha secara berterusan bagi memastikan golongan yang memerlukan bantuan dari segi kesihatan mental dapat mengakses kepada saluran yang disediakan, sama ada di bawah kerajaan atau oleh badan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan.

Maklumat berkaitan isu kesihatan mental juga disebar luaskan melalui media sosial dan media massa utama contohnya melalui radio Mutiara FM. Bahan bercetak termasuk versi digital seperti poster infografik dan e-buletin turut diedarkan di sekolah, tempat kerja, klinik dan lokasi awam.